

JADUAL YANG PERTAMA

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH  
MELAYU  
ATORAN PERKARA

BAHAGIAN I

NEGERI<sup>2</sup>, UGAMA DAN UNDANG<sup>2</sup> NEGERI

PERSEKUTUAN

Perkara

1. Nama negeri<sup>2</sup> dan daerah<sup>2</sup> dalam Negeri Persekutuan.
2. Negeri<sup>2</sup> lain hendak masuk dalam Negeri Persekutuan.
3. Ugama di-Negeri Persekutuan.
4. Undang<sup>2</sup> Tertinggi dalam Negeri Persekutuan.

BAHAGIAN II

KEBEBAAN ASASI

5. Kebebasan sa-saorang.
6. 'Abdi dan kerah kerja di-larang.
7. Perlindongan daripada kuat kuasa undang<sup>2</sup> janayah yang belum di-buat pada masa berlaku kesalahan dan perlindungan daripada di-bicharakan berulang<sup>2</sup>.
8. Sama rata.
9. Melarang buang negeri dan kebebasan pergi ka-sana sini.
10. Kebebasan beruchap, berkumpul dan mengadakan persekutuan.
11. Kebebasan berugama.
12. Hak<sup>2</sup> berkenaan dengan pelajaran.
13. Hak<sup>2</sup> memileki harta.

BAHAGIAN III

WARGA NEGARA

*Bab I—Meminta Jadi Warga Negara*

14. Menjadi warga negara menurut kuat kuasa undang<sup>2</sup>.
15. Warga negara dengan pendaftaran (isteri<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> orang jadi warga negara).
16. Menjadi warga negara dengan pendaftaran (orang<sup>2</sup> yang lahir di-Negeri Persekutuan sabelum Hari Merdeka).
17. Menjadi warga negara dengan chara pendaftaran (orang yang tinggal dalam Negeri Persekutuan pada Hari Merdeka).
18. Sharat<sup>2</sup> 'am berkenaan dengan pendaftaran.
19. Kewarga negaraan dengan chara permohonan.
20. Ahli<sup>2</sup> pasukan<sup>2</sup> bersenjata Negeri Persekutuan jadi warga negara.
21. Sharat<sup>2</sup> 'am berhubong warga negara dengan chara permohonan.

**Perkara**

22. Kewarga negaraan apabila di-masukkan negeri baharu ka-dalam Negeri Persekutuan.

*Bab 2—Berhenti jadi warga negara*

23. Luchut kewarga negaraan.  
 24. Kewarga negaraan di-luchutkan apabila mendapat ke-warga negaraan negeri asing atau meng'amalkan hak-nya dan lain<sup>2</sup>.  
 25. Meluchutkan kewarga negaraan dengan chara pendaftaran menurut Perkara 17 atau dengan chara permohonan.  
 26. Lain<sup>2</sup> sharat meluchutkan kewarga negaraan dengan chara pendaftaran atau chara permohonan.  
 27. Peratoran meluchutkan kewarga negaraan.  
 28. Memakaikan Bab 2 kapada sa-tengah<sup>2</sup> warga negara dengan kuasa perjalanan undang<sup>2</sup>.

*Bab 3—Sharat<sup>2</sup> tambahan*

29. Kewarga negaraan Commonwealth.  
 30. Surat<sup>2</sup> akuan kewarga negaraan.  
 31. Memakaikan Jadual<sup>2</sup>.

**BAHAGIAN IV****PERSEKUTUAN TANAH MELAYU***Bab 1—Raja bagi Tanah Melayu*

32. Raja bagi Negeri Persekutuan, dan Permaisuri-nya.  
 33. Timbalan Raja Negeri Persekutuan.  
 34. Yang di-Pertuan Agong tiada boleh menjalankan ke-wajipan dan lain<sup>2</sup>.  
 35. Penchen Negeri bagi Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri-nya dan pembayaran kapada Timbalan Raja.  
 36. Mohor.  
 37. Yang di-Pertuan Agong mengangkat sumpah jawatan.

*Bab 2—Majlis Raja<sup>2</sup>*

38. Majlis Raja<sup>2</sup>.

*Bab 3—Kuasa Pemerentah*

39. Kuasa Pemerentah Negeri Persekutuan.  
 40. Yang di-Pertuan Agong menjalankan kerja dengan mengikut nasihat.  
 41. Pemerentah Agong pasukan<sup>2</sup> bersenjata.  
 42. Kuasa memberi ampun, dan lain<sup>2</sup>.  
 43. Jama'ah menteri.

*Bab 4—Kuasa undang<sup>2</sup> Persekutuan*

44. Pertubuhan Parliament.  
 45. Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara.

**Perkara**

46. Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat.
47. Kelayakan<sup>2</sup> untuk menjadi ahli Parliament.
48. Di-pechat daripada menjadi ahli Parliament.
49. Sharat<sup>2</sup> yang menyekatkan sa-saorang itu menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat.
50. 'Akibat-nya batal itu, dan tegahan tentang lantekan atau pun mengangkat dengan tiada persetujuan-nya.
51. Ahli meletakkan jawatan.
52. Ahli yang tidak hadhir.
53. Keputusan sa-suatu pembantahan.
54. Kosong sebab mati atau chuti atau sa-bagai-nya.
55. Mengundangkan, memberhentikan sementara dan membubarkan Parliament.
56. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.
57. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.
58. Gaji dan sa-bagai-nya bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.
59. Ahli<sup>2</sup> mengangkat sumpah.
60. Uchapan yang di-Pertuan Agong.
61. Sharat<sup>2</sup> khas berkenaan Jama'ah Menteri dan Peguam Negara.
62. Peratoran Parliament.
63. Keutamaan<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat.
64. Gaji dan sa-bagai-nya bagi ahli<sup>2</sup>.
65. Kerani Meshuarat Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.

*Bab 5—Peratoran Undangan*

66. Menjalankan Kuasa Undangan.
67. Sekatan bagi mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> dan menyokong pindaan<sup>2</sup> berkenaan dengan chukai, perbelanjaan, dan lain<sup>2</sup>.
68. Memperkenankan Bakal Undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat sahaja.

*Bab 6—Kuasa memegang berkenaan harta benda, perjanjian dan perbicharaan*

69. Kuasa Kerajaan Persekutuan memegang harta benda, perjanjian<sup>2</sup> dan perbicharaan.

**BAHAGIAN V****NEGERI**

70. Taraf Raja<sup>2</sup> dan Governor<sup>2</sup> siapa dahulu dan siapa kemudian.
71. Jaminan Persekutuan akan Perlembagaan Negeri.
72. Keutamaan<sup>2</sup> Dewan Negeri.

## BAHAGIAN VI

### PERHUBONGAN ANTARA NEGERI PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI<sup>2</sup>

#### *Bab 1—Membahagi<sup>2</sup>kan kuasa membuat undang<sup>2</sup>*

**Perkara**

- 73. Sa-takat mana kuasa undang<sup>2</sup> Persekutuan dan undang<sup>2</sup> Negeri.
- 74. Perkara yang hendak di-buatkan undang<sup>2</sup> oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- 75. Berlain<sup>2</sup>an tujuan antara undang<sup>2</sup> Persekutuan dengan undang<sup>2</sup> Negeri.
- 76. Kuasa Parliament membuat undang<sup>2</sup> bagi Negeri<sup>2</sup> di-dalam perkara yang tertentu.
- 77. Kuasa yang ada lagi berkenaan dengan membuat undang<sup>2</sup>.
- 78. Undang<sup>2</sup> menyekat orang menggunakan sungai<sup>2</sup>.
- 79. Menjalankan kuasa membuat undang<sup>2</sup> bersama.

#### *Bab 2—Membahagi<sup>2</sup>kan kuasa pemerentahan*

- 80. Membahagi<sup>2</sup>kan kuasa pemerentahan.
- 81. Tanggongan Negeri<sup>2</sup> terhadap Negeri Persekutuan.

#### *Bab 3—Membahagi<sup>2</sup>kan beban kewangan*

- 82. Mengadakan wang kerana perbelanjaan berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> dalam Senarai Kuasa Bersama.

#### *Bab 4—Tanah*

- 83. Mengambil tanah untuk kegunaan<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan.
- 84. Memulangkan balek kapada Negeri<sup>2</sup> tanah yang di-pegang kerana kegunaan<sup>2</sup> Persekutuan.
- 85. Melepaskan tanah yang di-untokkan bagi kegunaan Persekutuan.
- 86. Tanah bagi kegunaan Kerajaan Persekutuan, atau sa-bagai-nya.
- 87. Menyelesaikan perselisihan berkenaan dengan harga tanah.
- 88. Mengubah Perkara<sup>2</sup> 83-87 untuk di-pakaikan kapada Melaka dan Pulau Pinang.
- 89. Tanah Reserve Melayu.
- 90. Sharat khas berkenaan dengan tanah pesaka Negeri Sembilan dan Melaka dan tanah kepunyaan orang Melayu di-Terengganu.
- 91. Majlis Tanah Negara.

#### *Bab 5—Kemajuan Negara*

- 92. Ranchangan Kemajuan Negara.

#### *Bab 6—Siasatan yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan Persekutuan, nasihat kapada Negeri dan memereksa pergerakan Negeri<sup>2</sup>*

- 93. Siasat dan Angka<sup>2</sup>.
- 94. Kuasa Persekutuan berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> Negeri.
- 95. Memereksa pergerakan Negeri.

**BAHAGIAN VII**  
**SHARAT<sup>2</sup> KEWANGAN**

**Perkara**

- 96. Tidak boleh di-kenakan chukai melainkan dengan fikiran undang<sup>2</sup>.
- 97. Kumpulan Wang.
- 98. Perbelanjaan yang hendak di-bayar daripada Kumpulan Wang Persekutuan.
- 99. Keterangan Kewangan Tahun<sup>2</sup>.
- 100. Bakal Undang<sup>2</sup> Perbelanjaan Negeri.
- 101. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan yang berlebeh.
- 102. Kuasa membenarkan perbelanjaan atas perkiraan atau untuk maksud<sup>2</sup> yang tiada di-tentukan.
- 103. Kumpulan Wang Tambahan.
- 104. Mengeluarkan wang dari Kumpulan Wang.
- 105. Pemereksa Kira<sup>2</sup> Negara.
- 106. Kuasa<sup>2</sup> dan kewajipan<sup>2</sup> Pemereksa Kira<sup>2</sup> Negara.
- 107. Penyata<sup>2</sup> dari Pemereksa Kira<sup>2</sup> Negara.
- 108. Majlis Kewangan Negara.
- 109. Pemberian kapada Negeri<sup>2</sup>.
- 110. Menguntokkan chukai<sup>2</sup> dan bayaran<sup>2</sup> kapada Negeri.
- 111. Sekatan tentang meminjam.
- 112. Sekatan berkenaan dengan perubahan bilangan pejabat Kerajaan dalam Negeri.

**BAHAGIAN VIII**  
**PILEHAN RAYA**

- 113. Menjalankan Pilehan Raya.
- 114. Bentuk Surohan-jaya Pilehan Raya.
- 115. Pertolongan kapada Surohan-jaya Pilehan Raya.
- 116. Kawasan<sup>2</sup> mengundi dalam Persekutuan.
- 117. Kawasan<sup>2</sup> mengundi dalam Negeri.
- 118. Chara mengi'tiradh pilehan raya itu.
- 119. Sharat<sup>2</sup> boleh jadi pengundi.
- 120. Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara yang pileh terus.

**BAHAGIAN IX**  
**KUASA KEHAKIMAN**

- 121. Kuasa Kehakiman Negeri Persekutuan.
- 122. Mahkamah Tertinggi.
- 123. Kelayakan Hakim<sup>2</sup> Mahkamah Tertinggi.
- 124. Sumpah jadi hakim.
- 125. Hakim<sup>2</sup> Mahkamah Tertinggi berapa lama memegang jawatan dan gaji-nya.

**Perkara**

126. Kuasa Mahkamah Tertinggi menjatohkan hukuman kerana melanggar peraturan Mahkamah.
127. Sekatan berkenaan dengan membinchangkan kelakuan hakim dalam Parliament.
128. Kuasa Mahkamah Tertinggi.
129. Kuasa Khas Mahkamah Tertinggi berkenaan dengan memahamkan maksud Perlembagaan Persekutuan.
130. Kuasa penasihat Mahkamah Tertinggi.
131. Ulang bichara atas keputusan Mahkamah Tertinggi.

**BAHAGIAN X****PERKHIDMATAN KERAJAAN**

132. Perkhidmatan Kerajaan.
133. Perkhidmatan bersama dan lain<sup>2</sup>.
134. Meminjamkan pegawai<sup>2</sup>.
135. Sekatan fasal membuang kerja dan pangkat.
136. Sama timbang kapada kaki-tangan Negeri Persekutuan.
137. Majlis Pasukan Bersenjata.
138. Surohan-jaya Perkhidmatan Kehakiman dan Keundangan.
139. Surohan-jaya Perkhidmatan Kerajaan.
140. Surohan-jaya Perkhidmatan Police.
141. Surohan-jaya Perkhidmatan Kereta Api.
142. Sharat<sup>2</sup> 'am berkenaan dengan Surohan-jaya<sup>2</sup>.
143. Sharat<sup>2</sup> perkhidmatan ahli<sup>2</sup> Surohan-jaya.
144. Kewajipan<sup>2</sup> Surohan-jaya Perkhidmatan.
145. Peguam Negara.
146. Penyata<sup>2</sup> Surohan-jaya.
147. Memperlindungi hak<sup>2</sup> persaraan.
148. Pengertian Bahagian X.

**BAHAGIAN XI****KUASA<sup>2</sup> KHAS MELAWAN PERBUATAN HENDAK MENJATOHKAN KERAJAAN DAN KUASA<sup>2</sup> DHARURAT**

149. Undang<sup>2</sup> melawan perbuatan hendak menjatohkan kerajaan.
150. Memashorkan dharurat.
151. Sekatan di atas hal menahan orang sa-bagai langkah menchegah.

**BAHAGIAN XII****PERKARA 'AM DAN LAIN<sup>2</sup>**

152. Bahasa Kebangsaan.
153. Peruntukan bilangan jawatan, permit dan sa-bagai-nya bagi orang<sup>2</sup> Melayu.
154. Ibu Negeri Persekutuan.
155. Perasaan sa-fahaman Negeri Commonwealth.

**Perkara**

156. Pertolongan kerana membayar chukai<sup>2</sup> atas harta kepunyaan Persekutuan dan Negeri.
157. Mewakilkan kewajipan sa-buah Negeri kepada Negeri lain.
158. Peratoran Seluroh Tanah Melayu.
159. Meminda Perlembagaan.
160. Pengertian.
161. Mula.

**BAHAGIAN XIII****SHARAT<sup>2</sup> SEMENTARA DAN SHARAT<sup>2</sup> PINDAHAN**

162. Undang<sup>2</sup> yang ada sekarang.
163. Menjalankan juga Undang<sup>2</sup> Dharurat 1948 bagi sementara.
164. Kewajipan sementara Majlis Meshuarat Undangan.
165. Sharat<sup>2</sup> Kewangan Sementara.
166. Mewaristi harta.
167. Hak<sup>2</sup> dan tanggongan<sup>2</sup>.
168. Perbicharaan Mahkamah.
169. Perjanjian antara serba bangsa dan lain<sup>2</sup> di buat sa-belum Hari Merdeka.
170. Sharat<sup>2</sup> sementara bagi orang yang chukup sharat-nya mendaftar menjadi warga negara mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, Fasal 126.
171. Kawasan<sup>2</sup> mengundi bagi pilehan yang pertama.
172. Mahkamah yang ada sekarang ini.
173. Menantikan ulang bichara dalam Majlis Privy Council.
174. Jawatan Kehakiman dan Peguam Negara.
175. Penguasa Kira<sup>2</sup> menjadi Pemereksa Kira<sup>2</sup> Negara yang pertama.
176. Menukarkan Pegawai<sup>2</sup>.
177. Membuang atau menanggohkan angkat sumpah memegang jawatan di-mana jawatan di-teruskan menurut Bahagian ini.
178. Bayaran gaji dan sa-bagai-nya sa-lepas Hari Merdeka.
179. Pembayaran<sup>2</sup> berkenaan dengan perkhidmatan yang sama itu.
180. Memeliharakan penchen dan lain<sup>2</sup>-nya.

**BAHAGIAN XIV****MENJAGA KEDAULATAN RAJA<sup>2</sup> D.L.L.**

181. Menjaga kedaulatan Raja<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup>.

**JADUAL:**

Jadual Yang Pertama—Sumpah peminta<sup>2</sup> kerana hendak jadi warga negara dengan jalan pendaftaran atau dengan jalan permintaan.

Jadual Yang Kedua—Sharat<sup>2</sup> tambahan berkaitan dengan kewarga negaraan.

Jadual Yang Ketiga—Memileh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian I—Memileh Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian II—Memileh Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian III—Memberhentikan Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian IV—Lain<sup>2</sup> perkara.

Jadual Yang Keempat—Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengangkat sumpah jawatan.

Bahagian I—Yang di-Pertuan Agong mengangkat sumpah.

Bahagian II—Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengangkat sumpah.

Bahagian III—Terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Jadual Yang Kelima—Majlis Raja<sup>2</sup>.

Jadual Yang Keenam—Borang<sup>2</sup> mengangkat sumpah.

Jadual Yang Ketujuh—Memileh dan melantek ahli<sup>2</sup> Dewan Negara.

Bahagian I—Memileh ahli<sup>2</sup> Dewan Negara.

Bahagian II—Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara Berhenti.

Jadual Yang Kedelapan—Sharat<sup>2</sup> yang hendak dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri.

Bahagian I—Sharat<sup>2</sup> akhir.

Bahagian II—Sharat<sup>2</sup> sementara salah satu dari pada sharat<sup>2</sup> dalam Bahagian I.

Bahagian III—Pindaan<sup>2</sup> Bahagian I dan II yang berhubung dengan Melaka dan Pulau Pinang.

Jadual Yang Kesembilan—Senarai Kuasa Keundangan.

Jadual Yang Kesa-puloh—Pemberian<sup>2</sup> dan jalan<sup>2</sup> kedatangan hasil yang hendak di-untokkan kepada Negeri<sup>2</sup>.

Bahagian I—Pemberian kira kepala.

Bahagian II—Pemberian jalan<sup>2</sup> raya Negeri.

Bahagian III—Jalan<sup>2</sup> kedatangan hasil<sup>2</sup> yang hendak di-untokkan kepada Negeri.

Jadual Yang Kesa-belas—Sharat<sup>2</sup> dalam Undang<sup>2</sup> Pengertian dan Fasal<sup>2</sup> ‘Am tahun 1948 di-pakai-kan bagi memahamkan maksud dalam Perlembagaan ini.

Jadual Yang Kedua Belas—Sharat<sup>2</sup> dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tahun 1948, sa-bagaimana yang hendak di-pakaikan kepada Majlis Meshuarat Undangan sa-lepas Hari Merdeka.

BAHAGIAN IV  
NEGERI PERSEKUTUAN

*Bab 1—Raja bagi Tanah Melayu*

Raja bagi  
Negeri  
Persekutuan  
dan Permai-  
suri-nya.

**32.** (1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudukan baginda itu teratas daripada semua orang<sup>2</sup> dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa<sup>2</sup> jua perbicharaan ka-atasnya di-dalam mana<sup>2</sup> jua mahkamah.

(2) Maka Permaisuri Yang di-Pertuan Agong itu (bergelar Raja Permaisuri Agong) dan derjat-nya hendak-lah berikut kemudian daripada Yang di-Pertuan Agong ya'ani teratas daripada semua orang<sup>2</sup> lain di-dalam Negeri Persekutuan.

(3) Maka Yang di-Pertuan Agong itu hendak-lah di-pileh oleh Majlis Raja<sup>2</sup> sa-lama lima tahun, tetapi boleh-lah baginda itu pada barang bila masa jua meletakkan jawatan-nya dengan mengirimkan sa-puchok surat yang di-tanda tangani-nya kapada Majlis Raja<sup>2</sup>; atau pun baginda itu boleh-lah di-pechat oleh Majlis Raja<sup>2</sup>, lalu berhenti-lah baginda daripada memegang jawatan sa-telah berhenti daripada menjadi Raja itu.

(4) Sharat<sup>2</sup> Bahagian I dan III Jadual Yang Ketiga itu hendak-lah terpakai tentang memileh dan memechat Yang di-Pertuan Agong itu.

Timbalan  
Raja Negeri  
Persekutuan.

**33.** (1) Maka hendak-lah ada sa-orang Timbalan Raja Negeri Persekutuan (bergelar Timbalan Yang di-Pertuan Agong). Baginda itu akan menjalankan kewajipan<sup>2</sup> dan akan mempunyai keutamaan Yang di-Pertuan Agong manakala ada kosong jawatan Yang di-Pertuan Agong itu dan pada barang bila masa-nya Yang di-Pertuan Agong itu tiada dapat menjalankan kewajipan baginda oleh kerana kegaringan; atau pun tiada dalam Negeri Persekutuan; atau pun dengan sebab lain<sup>2</sup>, tetapi Timbalan Raja itu tidak-lah boleh menjalankan kewajipan itu pada masa ketidaan Yang di-Pertuan Agong yang di-jangkakan kurang daripada lima belas hari.

(2) Maka Timbalan Raja itu hendak-lah di-pileh oleh Majlis Raja<sup>2</sup> sa-lama lima tahun; dan jika di-pileh dalam masa Yang di-Pertuan Agong itu telah di-pileh, maka hendak-lah sa-lama bagi masa tempoh itu; tetapi boleh-lah pada barang bila jua meletakkan jawatan-nya dengan mengirimkan surat yang telah di-tanda tangan

baginda kapada Majlis Raja<sup>2</sup> lalu berhenti-lah dari-pada memegang jawatan-nya sa-telah berhenti dari-pada menjadi Raja itu.

(3) Jika di-dalam tempoh jawatan Timbalan Raja itu telah di-pileh maka kosong-lah jawatan Yang di-Pertuan Agong itu, tempoh-nya akan luput apabila tiada lagi jawatan kosong itu.

(4) Sharat<sup>2</sup> Bahagian II Jadual Yang Ketiga itu akan terpakai kapada pilehan Timbalan Raja Negeri Persekutuan.

(5) Parliament boleh-lah dengan mengadakan undang<sup>2</sup> mensharatkan fasal Raja menjalankan kewajipan<sup>2</sup> Yang di-Pertuan Agong tentang<sup>2</sup>-nya kewajipan itu menurut Fasal (1) jatoh ka-atas Timbalan Raja menjalankan-nya tetapi tiada dapat di-jalankan kewajipan itu oleh kerana kosong jawatan Timbalan Raja itu, atau pun dengan kegeringen-nya, tiada di-dalam Negeri Persekutuan atau pun dengan apa<sup>2</sup> jua sebab<sup>2</sup> lain; tetapi undang<sup>2</sup> yang tersebut itu tidak-lah boleh di-luluskan dengan tiada di-perkenan-kan oleh Majlis Raja<sup>2</sup>.

**34.** (1) Yang di-Pertuan Agong tidak-lah boleh menjalankan kewajipan-nya sa-bagai Raja Negeri-nya kechualikan kewajipan sa-bagai Ketua ugama Islam.

(2) Yang di-Pertuan Agong tidak-lah boleh memegang apa<sup>2</sup> jua jawatan yang bergaji.

(3) Yang di-Pertuan Agong tidak-lah boleh mengambil bahagian dalam apa<sup>2</sup> jua perusahaan perniagaan.

(4) Yang di-Pertuan Agong tidak-lah boleh menerima barang apa jua jenis gaji baik yang di-bayar atau pun terdapat kepada-nya sa-bagai Raja Negeri-nya menurut sharat Perlembagaan Negeri-nya atau apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> Negeri.

(5) Yang di-Pertuan Agong tiada-lah boleh, tidak ada di-dalam Negeri Persekutuan lebih dari-pada lima belas hari dengan tiada kebenaran Majlis Raja<sup>2</sup>; di-kechuali dengan sebab melawat sa-chara rasmi ka-negeri lain.

(6) Permaisuri Agong tidak-lah boleh memegang apa<sup>2</sup> jua jawatan dalam Negeri Persekutuan atau pun dalam mana<sup>2</sup> jua Negeri.

(7) Jika Timbalan Raja Negeri Persekutuan atau pun siapa<sup>2</sup> jua orang lain yang di-benarkan oleh undang<sup>2</sup> menjalankan kewajipan Yang di-Pertuan

Yang di-Pertuan Agong tiada boleh menjalankan kewajipan dan lain<sup>2</sup>.

Agong sa-lama lebih daripada lima belas hari maka Fasal (1) hingga (5) hendak-lah terpakai kepada-nya bagi masa sa-lama itu seperti terpakai-nya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Penchen  
Negeri bagi  
Yang di-  
Pertuan  
Agong dan  
Permaisuri-  
nya  
dan pem-  
bayaran  
kapada  
Timbalan  
Raja.

**35.** (1) Parliament hendak-lah dengan undang<sup>2</sup> mengadakan Penchen Negeri bagi Yang di-Pertuan Agong dan bagi Raja Permaisuri Agong dan Penchen<sup>2</sup> itu hendak-lah di-bayar daripada Kumpulan Wang dan tidak-lah boleh di-kurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong itu memegang jawatan-nya.

(2) Parliament hendak-lah dengan membuat undang<sup>2</sup> mengadakan sharat fasal mengadakan pembayaran kepada Timbalan Raja Negeri Persekutuan atau pun siapa<sup>2</sup> jua yang di-benarkan oleh undang<sup>2</sup> menjalankan kewajipan Yang di-Pertuan Agong bagi mana<sup>2</sup> tempoh ia menjalankan kewajipan yang tersebut itu.

Mohor.

**36.** Yang di-Pertuan Agong hendak-lah menyimpan dan menggunakan Mohor Negeri Persekutuan.

Yang di-  
Pertuan  
Agong  
mengangkat  
sumpah  
jawatan.

**37.** (1) Yang di-Pertuan Agong sa-belum menjalankan kewajipan-nya hendak-lah mengangkat sumpah dan menanda tangani-nya di-hadapan Majlis Raja<sup>2</sup> dan di-hadhiri oleh Hakim Besar Negeri Persekutuan (atau pun jika tiada ia hakim yang terkanan yang ada dalam Mahkamah Tinggi) seperti yang di-sebutkan dalam Bahagian (I) Jadual Yang Keempat; dan mengangkat sumpah itu hendak-lah di-saksikan oleh dua orang yang telah di-lantek oleh maksud itu oleh Majlis Raja<sup>2</sup>.

(2) Timbalan Raja Negeri Persekutuan sa-belum menjalankan kewajipan-nya sa-lain daripada kewajipan<sup>2</sup> yang boleh di-jalankan-nya bagi maksud mengundang Majlis Raja<sup>2</sup> hendak-lah mengangkat sumpah dan menanda tangani-nya di-hadapan Majlis Raja<sup>2</sup> dan di-hadhiri oleh Hakim Besar Negeri Persekutuan (atau pun jika tiada ia hakim yang terkanan yang ada dalam Mahkamah Tinggi) seperti yang di-sebutkan dalam Bahagian II Jadual Yang Keempat.

(3) Lafaz sumpah yang tersebut itu, di-terjemahkan ka-bahasa Inggeris, ada-lah di-sebutkan di-dalam Bahagian III Jadual Yang Keempat.

(4) Apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang telah di-buat menurut Perkara 33 (5) hendak-lah mengadakan sharat yang sama (dengan di-ubah yang mana wajib) dengan Fasal (2).

*Bab 2—Majlis Raja<sup>2</sup>*

**38.** (1) Maka hendak-lah ada suatu Majlis Raja<sup>2</sup> yang Majlis Raja<sup>2</sup> akan di-tubohkan menurut Jadual Yang Kelima.

(2) Majlis Raja<sup>2</sup> itu hendak-lah menjalankan kewajipan-nya sa-umpama—

- (a) memileh, menurut sharat<sup>2</sup> Jadual Yang Ketiga, Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Raja Negeri Persekutuan,
- (b) menyetujuī atau pun sa-balek-nya tentang memanjangkan apa<sup>2</sup> jua perbuatan, ugama, isti'adat yang mengenaī seluroh Negeri Persekutuan,
- (c) memperkenankan atau pun menanggohkan memberi perkenan itu akan apa<sup>2</sup> jua undang atau pun memberi nasihat dalam apa<sup>2</sup> jua lantekan yang menurut Perlembagaan ini berkehendakkan persetujuan Majlis Raja<sup>2</sup> atau pun akan di-buat oleh majlis itu atau pun sa-telah berunding dengan majlis itu,

dan boleh-lah menimbaangkan perkara<sup>2</sup> berhubong dengan dasar kerajaan (umpama-nya perubahan dasar immigration) dan apa<sup>2</sup> jua perkara lain yang di-fikiran-nya patut.

(3) Masa Majlis Raja<sup>2</sup> itu menimbaangkan perkara<sup>2</sup> berhubong dengan dasar kebangsaan, maka Yang di-Pertuan Agong itu hendak-lah di-iringi oleh Perdana Menteri, dan Raja<sup>2</sup> yang lain dan Governor<sup>2</sup> oleh Menteri<sup>2</sup> Besar-nya dan perkara memberi timbangan ini hendak-lah jadi kewajipan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut nasihat Jama'ah Menteri, dan oleh Raja<sup>2</sup> yang lain itu menurut nasihat Majlis Meshuarat Kerajaan.

(4) Tidak-lah sa-kali boleh di-luluskan undang<sup>2</sup> yang tepat mengenaī keutamaan, kedudukan, kehormatan atau pun derjat Raja<sup>2</sup> dengan tiada kebenaran Majlis Raja<sup>2</sup>.

(5) Hendak-lah di-minta fikiran Majlis Raja<sup>2</sup> sebelum di-buat apa<sup>2</sup> jua perubahan dasar yang berhubong dengan langkah pentadbiran menurut Perkara 153.

(6) Ahli<sup>2</sup> Majlis Raja<sup>2</sup> boleh bertindak mengikut timbangan mereka sendiri dalam apa<sup>2</sup> jua perkara yang berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini, ia-itu—

- (a) memileh atau memberhentikan Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan-nya atau

memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong Negeri Persekutuan;

- (b) memberi nasihat atas apa<sup>2</sup> jua lantekan;
- (c) mengidzinkan atau menanggohkan daripada memberi idzin atau apa<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang hendak mengubah sempadan<sup>2</sup> sa-sabuah Negeri atau yang berkenaan dengan keutamaan<sup>2</sup>, taraf kedudukan, kehormatan<sup>2</sup> atau derjat kebesaran Raja<sup>2</sup>; atau
- (d) mempersetujukan atau tidak mempersetujukan bagi di-luaskan lagi apa<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> ugama, upachara<sup>2</sup> atau isti'adat<sup>2</sup> yang meliputi Negeri Persekutuan.

### *Bab 3—Kuasa Pemerentahan*

Kuasa  
Pemeren-  
tahan Negeri  
Persekutuan.

Yang  
di-Pertuan  
Agong  
menjalan-  
kan kerja  
dengan  
mengikut  
nasihat.

**39.** Kuasa pemerentahan Negeri Persekutuan hendak-lah menjadi hak Yang di-Pertuan Agong, tetapi Parliament dengan jalan undang<sup>2</sup> boleh memberi kuasa<sup>2</sup> pemerentahan kepada orang<sup>2</sup> lain.

**40.** (1) Dalam menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya menurut Perlembagaan ini atau undang<sup>2</sup> persekutuan maka Yang di-Pertuan Agong hendak-lah menjalankan kerja dengan mengikut nasihat Jama'ah Menteri atau sa-saorang Menteri yang menjalankan kerja dengan di-beri kuasa oleh Jama'ah Menteri, kechuali menurut 'akas-nya saperti yang di-sharatkan oleh Perlembagaan ini; tetapi hendak-lah berhak, ia-itu dengan permintaan-nya, mendapat apa<sup>2</sup> penerangan yang berkenaan dengan Kerajaan Negeri Persekutuan saperti yang boleh di-dapat oleh Jama'ah Menteri.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan mengikut timbangan-nya sendiri melakukan kerja<sup>2</sup> saperti yang tersebut di-bawah ini, ia-itu—

- (a) melantek sa-orang Perdana Menteri,
- (b) menanggohkan perkara memberi idzin kapada sa-suatu permohonan untuk membubarkan Parliament,
- (c) menuntut supaya di-adakan suatu Persidangan Raja<sup>2</sup> yang sa-mata<sup>2</sup> berkenaan dengan keutamaan<sup>2</sup>, taraf kedudukan, kehormatan<sup>2</sup> dan derjat kebesaran Duli Yang Maha Mulia, dan apa<sup>2</sup> jua tindakan yang di-ambil pada persidangan saperti itu,

dan dalam apa<sup>2</sup> jua hal lain yang tersebut dalam Perlembagaan ini.

(3) Undang<sup>2</sup> Persekutuan boleh membuat sharat bagi berkehendakkan supaya Yang di-Pertuan Agong menjalankan kerja sa-sudah berunding dengan siapa<sup>2</sup> jua orang atau dengan mengikut apa yang di-chadangkan oleh orang atau kumpulan orang<sup>2</sup> yang tersebut itu, ia-itu dalam menjalankan apa<sup>2</sup> jua kerja<sup>2</sup>-nya sa-lain daripada—

- (a) kerja<sup>2</sup> yang boleh di-jalankan dengan menurut timbalan-nya sendiri;
- (b) kerja<sup>2</sup> yang kerana hendak menjalankan-nya telah di-buat sharat dalam mana<sup>2</sup> Perkara lain.

**41.** Yang di-Pertuan Agong hendak-lah jadi Pemerintah Agong pasukan<sup>2</sup> bersenjata Negeri Persekutuan.

Pemerintah Agong pasukan<sup>2</sup> bersenjata.

**42.** (1) Yang di-Pertuan Agong mempunyaï kuasa memberi ampun, meringankan dan menanggohkan daripada di-jalankan hukuman yang berkenaan dengan segala kesalahan yang telah di-bicharakan oleh mahkamah tentera; dan Raja atau Governor sa-sabuah Negeri mempunyaï kuasa memberi ampun, meringankan dan menanggohkan daripada di-jalankan hukuman yang berkenaan dengan segala kesalahan<sup>2</sup> lain yang telah berlaku di-dalam Negeri-nya.

Kuasa memberi ampun, d.1.1.

(2) Apa<sup>2</sup> kuasa yang telah di-beri oleh undang<sup>2</sup> persekutuan atau undang<sup>2</sup> Negeri meringankan, menanggohkan dan mengampunkan hukuman<sup>2</sup> bagi apa<sup>2</sup> jua kesalahan hendak-lah boleh di-lakukan oleh Yang di-Pertuan Agong jika hukuman itu telah di-jatohkan oleh sa-buah mahkamah tentera, dan dalam apa<sup>2</sup> jua perkara lain, hendak-lah boleh di-lakukan oleh Raja atau Governor Negeri tempat kesalahan itu berlaku.

(3) Jika sa-suatu kesalahan di-lakukan kesemua-nya atau sa-bahagian daripada-nya di-luar Negeri Persekutuan atau pun di-dalam lebih daripada sa-buah Negeri atau dalam keadaan<sup>2</sup> yang boleh menimbulkan shak di-mana-kah kesalahan itu telah di-lakukan maka bagi maksud<sup>2</sup> Perkara ini hendak-lah di-kira sa-bagai telah di-lakukan di-dalam negeri tempat kesalahan itu di-bicharakan.

(4) Kuasa<sup>2</sup> yang di-sebutkan dalam Perkara ini—

- (a) ia-lah, sa-panjang yang boleh di-jalankan oleh Yang di-Pertuan Agong, di-antara kerja<sup>2</sup> yang kerana-nya undang<sup>2</sup> persekutuan boleh mengadakan sharat menurut Perkara 40 (3);

(b) sa-panjang yang boleh di-jalankan oleh Raja atau Governor sa-sabuah Negeri, hendak-lah di-jalankan oleh sa-buah Jama'ah Pengampunan yang di-tubohkan bagi Negeri itu ia-itu menurut Fasal (5).

(5) Jama'ah Pengampunan yang di-tubohkan bagi tiap<sup>2</sup> Negeri itu hendak-lah mengandungi Peguam Negara Negeri Persekutuan, Ketua Menteri Negeri itu dan tidak lebih daripada tiga orang ahli yang lain, yang hendak-lah di-lantek oleh Raja atau Governor; tetapi Peguam Negara boleh dari satu masa ka-satu masa dengan menulis surat mewakilkan kerja<sup>2</sup>-nya sa-bagai sa-orang ahli Jama'ah itu kapada siapa<sup>2</sup> jua orang lain, dan Raja atau Governor boleh melantek sa-saorang bagi menjalankan sementara kerja<sup>2</sup> barang siapa jua ahli Jama'ah yang telah di-lantek-nya apabila orang itu tiada hadhir atau tiada dapat menjalankan kerja-nya.

(6) Ahli<sup>2</sup> Jama'ah Pengampunan yang di-lantek oleh Raja atau Governor hendak-lah di-lantek bagi tempoh sa-lama tiga tahun dan hendak-lah ia-nya boleh di-lantek sa-mula, tetapi pada bila<sup>2</sup> masa jua ia boleh meletakkan jawatan daripada Jama'ah itu.

(7) Sa-saorang ahli Dewan Negeri atau Dewan Ra'ayat tidak sa-kali<sup>2</sup> boleh di-lantek menjadi sa-orang ahli sa-sabuah Jama'ah Pengampunan atau menjalankan bagi sementara kerja<sup>2</sup> sa-saorang ahli Jama'ah itu.

(8) Jama'ah Pengampunan hendak-lah bersidang di-hadapan Raja atau Governor dan dia-lah yang akan mengetuaï persidangan itu.

(9) Sa-belum memberi fikiran mereka atas apa<sup>2</sup> jua perkara maka sa-sabuah Jama'ah Pengampunan hendak-lah menimbangkan apa<sup>2</sup> pendapat yang ber-tulis yang harus di-sampaikan oleh Peguam Negara atas perkara itu.

Jama'ah  
Menteri.

**43.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendak-lah melantek sa-buah Jama'ah Menteri untuk memberi nasihat kapada-nya dalam menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya.

(2) Jama'ah Menteri hendak-lah di-lantek saperti yang tersebut di-bawah ini, ia-itu—

(a) mula<sup>2</sup>-nya Yang di-Pertuan Agong hendak-lah melantek sa-orang ahli Dewan Ra'ayat yang pada timbangan-nya boleh mendapat keperchayaan ramai bilangan ahli<sup>2</sup> Dewan tersebut itu jadi Perdana Menteri bagi menge-tuaï Jama'ah Menteri; dan

(b) dengan mengikut nasihat Perdana Menteri hendak-lah Yang di-Pertuan Agong itu melantek Menteri<sup>2</sup> lain daripada gulongan ahli<sup>2</sup> salah satu Dewan Parliament itu;

tetapi jika sa-suatu lantekan di-adakan dalam masa Parliament di-bubarkan maka sa-saorang yang jadi ahli Dewan Perwakilan yang lalu itu boleh-lah di-lantek tetapi tidak sa-kali<sup>2</sup> boleh terus memegang jawatan itu sa-sudah permulaan bersidang Parliament yang mengikut kemudian-nya, kechualи jika ia telah di-lantek jadi Perdana Menteri, ia-nya sa-orang ahli Dewan Ra'ayat yang baharu itu, dan dalam apa<sup>2</sup> perkara lain ia-nya jadi sa-orang ahli salah satu Dewan itu atau ahli Dewan Negara.

(3) Jama'ah Menteri hendak-lah bersama<sup>2</sup> bertanggong-jawab kepada Parliament.

(4) Jika Perdana Menteri tidak lagi dapat keper-chayaan bilangan ramai ahli<sup>2</sup> Dewan Perwakilan, maka kemudian daripada itu, kechualи dengan permohonan-nya Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parliament, Perdana Menteri.

(5) Dengan terta'alok kapada Fasal (4), Menteri<sup>2</sup> sa-lain dari Perdana Menteri hendak-lah memegang jawatan dalam masa di-sukai oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi siapa<sup>2</sup> juа Menteri boleh meletakkan jawatan-nya.

(6) Sa-belum sa-saorang Menteri menjalankan kerja<sup>2</sup> jawatan-nya maka hendak-lah ia mengangkat sumpah jawatan dan ta'at setia dan sumpah menyimpan rahsia serta menanda tangani-nya di-hadapan Yang di-Pertuan Agong ia-itu seperti yang tersebut di-dalam Jadual Yang Keenam.

(7) Walau apa<sup>2</sup> pun yang tersebut di-dalam Perkara ini, sa-saorang yang jadi warga negara dengan jalan permohonan atau dengan jalan pendaftaran menurut Fasal 17 tidak boleh sa-kali<sup>2</sup> di-lantek jadi Perdana Menteri.

(8) Jika sa-saorang ahli Dewan Negeri bagi sa-sabuah negeri di-lantek menjadi sa-orang Menteri maka hendak-lah ia berhenti daripada jadi ahli Dewan itu sa-belum menjalankan kerja<sup>2</sup> jawatan-nya.

(9) Parliament hendak-lah dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup> membuat sharat berkenaan dengan gaji dan sa-bagai-nya bagi ahli<sup>2</sup> Jama'ah Menteri.

*Bab 4—Kuasa undang<sup>2</sup> Persekutuan*

Pertubuhan  
Parliament.

**44.** Kuasa Undangan Negeri Persekutuan hendak-lah terserah kepada sa-buah Parliament, yang hendak-lah mengandongi Yang di-Pertuan Agong dan dua buah Majlis (Dewan Parliament) yang akan di-namakan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.

Ahli<sup>2</sup>  
Dewan  
Negara.

**45.** (1) Dengan terta'alok kapada Fasal (4), Dewan Negara hendak-lah mengandongi ahli<sup>2</sup> yang di-pileh dan yang di-lantek saperti tersebut di-bawah ini—

(a) dua orang ahli bagi tiap<sup>2</sup> negeri hendak-lah di-pileh dalam pilehan raya mengikut Jadual Yang Ketujoh; dan

(b) enam belas orang ahli hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ahli<sup>2</sup> yang akan di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong hendak-lah orang<sup>2</sup> yang pada pendapatnya telah membuat jasa kebaktian kapada orang ramai atau pun orang<sup>2</sup> yang telah beroleh sa-penoh<sup>2</sup> kejayaan dalam jawatan, perdagangan, perusahaan, pertanian, usaha<sup>2</sup> berkenaan kebudayaan atau kerja<sup>2</sup> musharakat atau wakil kaum<sup>2</sup> kecil atau yang boleh mewakili kepentingan<sup>2</sup> orang darat.

(3) Dengan terta'alok kapada sharat<sup>2</sup> dalam Jadual Yang Ketujoh, tempoh jawatan sa-saorang ahli Dewan Negara hendak-lah sa-lama enam tahun dan tidak sa-kali<sup>2</sup> tersentoh oleh sa-suatu pembubararan Parliament.

(4) Parliament boleh dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup>—

(a) menambah jadi jumlah tiga orang ahli<sup>2</sup> untuk di-pileh dalam pilehan raya bagi tiap<sup>2</sup> buah negeri;

(b) mensharatkan ia-itu ahli<sup>2</sup> yang akan di-pileh bagi tiap<sup>2</sup> sa-buah negeri itu hendak-lah di-pileh dengan undi dari pengundi<sup>2</sup> Negeri itu sendiri;

(c) mengurangkan bilangan ahli<sup>2</sup> yang di-lantek atau menghapuskan ahli<sup>2</sup> yang di-lantek.

Ahli<sup>2</sup> Dewan  
Ra'ayat.

**46.** (1) Dewan Ra'ayat hendak-lah mengandongi sa-ratus orang ahli<sup>2</sup> yang di-pileh kechuali Dewan Ra'ayat yang mula<sup>2</sup> itu sahaja mengandongi sa-ratus empat orang ahli.

(2) Sa-telah habis banchi mula<sup>2</sup> yang hendak di-jalankan sa-lepas Hari Merdeka maka Parliament boleh-lah mengadakan undang<sup>2</sup> mengubah bilangan ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat itu.

**47.** Tiap<sup>2</sup> sa-orang warga negara yang tinggal di-dalam Negeri Persekutuan boleh menjadi ahli—

- (a) Dewan Negara, jika ‘umur-nya tidak kurang daripada tiga puluh tahun,
- (b) Dewan Ra‘ayat, jika ‘umur-nya tidak kurang daripada dua puluh satu tahun,

kechualи di-pechat daripada menjadi ahli menurut Perlembagaan ini atau apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang di-adakan menurut Perkara 48.

**48.** (1) Dengan terta‘alok kapada sharat<sup>2</sup> dalam perkara ini, sa-orang itu tidak boleh menjadi ahli dalam salah sa-buah Dewan itu jika—

- (a) ia sa-orang yang telah di-dapati gila; atau
- (b) ia di-dalam keadaan bankrupt yang belum lepas; atau
- (c) ia memegang sa-suatu jawatan yang menda-tangkan keuntongan; atau
- (d) ia telah di-chalon dalam pilehan raya menjadi ahli di-dalam salah satu Parliament, atau sa-telah menjadi sa-orang wakil dalam pilehan raya kapada sa-orang yang telah di-lantek itu, ia tiada menghantar apa<sup>2</sup> jua penyata di atas perbelanjaan pilehan raya yang di-kehendaki oleh undang<sup>2</sup> dalam masa yang mengikut chara yang di-kehendaki; atau
- (e) ia telah di-dapati salah oleh mahkamah dalam Negeri Persekutuan kerana melakukan sa-suatu kesalahan dan telah di-hukum penjara sa-lama tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak mendapat ampunan; atau
- (f) ia telah mengambil dengan suka rela, kewarga negaraan negeri asing, atau menggunakan hak kewarga negaraan-nya di-dalam negeri asing atau mengaku ta‘at setia-nya kepada negeri asing.

(2) Undang<sup>2</sup> Persekutuan boleh-lah membatalkan orang<sup>2</sup> daripada menjadi ahli baik dalam Dewan Negara atau Dewan Ra‘ayat sa-lama yang di-tentukan, jika orang itu melakukan kesalahan berkenaan dengan pilehan raya; dan siapa<sup>2</sup> jua yang telah di-hukumkan kerana kesalahan yang tersebut atau ada di-dalam perbicharaan berkenaan dengan pilehan raya dan di-dapati salah kerana sa-suatu perbuatan yang di-kirakan salah, hendak-lah batal ia bagi tempoh yang telah di-tentukan itu.

Kelayakan<sup>2</sup>  
untuk  
menjadi  
ahli  
Parliament.

Di-pechat  
daripada  
menjadi ahli  
Parliament.

(3) Batalnya sa-saorang itu menjadi ahli menurut perenggan (d) atau perenggan (e) dalam Fasal (1) boleh di-mansuhkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan jika tidak di-mansuhkan, maka hendak-lah batal itu berakhir sa-lepas 5 tahun ia-itu di-kira mulai daripada tarikh penyata yang di-sebutkan dalam perenggan (d) di-kehendaki menghantarkan-nya, atau pun mengikut mana<sup>2</sup> satu-nya, tarikh sa-saorang yang telah di-hukumkan itu di-bebaskan mengikut perenggan (e); dan sa-orang ahli itu tidak boleh di-batalkan mengikut perenggan (f) Fasal (1) dengan sebab hanya melakukan kesalahan sa-belum ia menjadi warga negara.

Sharat<sup>2</sup> yang menyekat-kan sa-saorang itu menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat.

'Akibat-nya batal itu, dan tegahan tentang lantekan atau pun mengangkat dengan tiada persetujuan-nya.

**49.** Sa-orang itu tidak-lah boleh, dengan sa-rentaknya sa-kali menjadi ahli dalam kedua<sup>2</sup> Dewan Parliament atau pun di-lantek menjadi ahli dalam Dewan Ra'ayat bagi lebeh daripada satu kawasan mengundi atau menjadi ahli dalam Dewan Negara bagi lebeh daripada sa-buah Negeri menjadi ahli yang di-pileh dan di-lantek dalam Dewan Negara.

**50.** (1) Jika sa-orang ahli dalam salah sa-buah Parliament telah batal daripada menjadi ahli dalam Parliament itu, maka kerusi-nya hendak-lah menjadi kosong.

(2) Jika sa-saorang yang telah batal daripada menjadi ahli Dewan Ra'ayat itu di-pileh menjadi ahli di-dalam Dewan itu, atau sa-orang batal daripada menjadi ahli Dewan Negara, di-pileh atau di-lantek menjadi ahli dalam Dewan Negara, atau pun jika pilehan atau lantekan menjadi ahli dalam salah satu daripada Dewan itu berlawanan dengan Perkara 49, maka pilehan atau lantekan itu hendak-lah batal.

(3) Jika pilehan sa-saorang itu akan atau harus menjadi batal menurut Fasal (2) maka lantekan-nya bagi pilehan raya itu hendak-lah di-kirakan batal.

(4) Sa-saorang itu tidak-lah sah lantekan-nya kerana pilehan raya dalam salah sa-buah Dewan atau di-lantek menjadi ahli dalam Dewan Negara dengan tiada idzin-nya sendiri.

Ahli meletakkan jawatan.

**51.** Sa-orang ahli dalam salah sa-buah Dewan, boleh-lah berhenti daripada menjadi ahli dengan membuat surat, dengan menanda tangani-nya, di-'alamatkan kapada Yang di-Pertua Dewan Negara, jika ia ahli dalam Dewan itu, dan kepada Yang di-Pertua Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat, jika ia ahli Dewan Ra'ayat.

**52.** Jika sa-orang ahli salah sa-buah Dewan Parliament, tidak hadir dengan tidak mendapat kebenaran daripada Dewan pada tiap<sup>2</sup> kali persidangan Dewan itu di-adakan, sa-lama 6 bulan, maka Dewan itu bolehlah memashhorkan bahawa kerusi-nya itu kosong. Ahli yang tidak hadir.

**53.** Jika terbit apa<sup>2</sup> jua so'alan ada-kah sa-saorang ahli dalam Parliament itu di-batalkan daripada menjadi ahli maka keputusan Dewan itu hendak-lah jadi yang mu'tamad. Keputusan sa-suatu pembantahan.

**54.** Apabila kosong sa-suatu kerusi ahli<sup>2</sup> dalam salah sa-buah Dewan, maka hendak-lah di-penoh akan dia sa-mula dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh kosong itu, dan hendak-lah di-adakan pilehan raya atau lantekan bagi-nya. Kosong sebab mati atau chuti atau sa-bagai-nya.

**55.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendak-lah daripada satu masa ka-satu masa mengundang akan Parliament bersidang dan tidak-lah boleh di-biarkan majlis itu tidak bersidang sa-lama enam bulan daripada tarikh persidangan yang akhir dengan tarikh yang di-tentukan bagi persidangan yang akan datang. Mengundang, mem-berhentikan sementara dan membubar-kan Parliament.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh memberhentikan sementara atau membubari Parliament.

(3) Parliament, jika tidak di-bubarkan lebeh dahulu akan berjalan sa-lama 5 tahun daripada tarikh persidangan yang pertama dan sa-telah itu akan terbubar-lah ia.

(4) Apabila Parliament itu telah di-bubarkan, maka hendak-lah di-adakan suatu pilehan raya 'umum dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh Parliament itu di-bubarkan dan Parliament hendak-lah di-undangkan bersidang pada suatu tarikh tidak lewat daripada sembilan puluh hari daripada tarikh itu.

**56.** (1) Dewan Negara hendak-lah dari satu masa ka-satu masa memileh sa-orang daripada ahli-nya menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara dan sa-orang menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan tidak-lah boleh di-jalankan apa<sup>2</sup> jua kerja dalam masa jawatan Yang di-Pertua itu kosong sa-lain daripada memileh sa-orang Yang di-Pertua. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua

(2) Sa-orang ahli yang memegang jawatan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua, hendak-lah berhenti daripada memegang jawatan-nya itu apabila chukup masa-nya ia telah di-pileh atau di-lantek menjadi ahli atau pun oleh sebab lain<sup>2</sup> hal ia telah berhenti daripada menjadi ahli Dewan Negara itu, dan

boleh-lah pada bila<sup>2</sup> masa jua pun ia meletakkan jawatan-nya.

(3) Pada bila<sup>2</sup> masa Yang di-Pertua Dewan itu tiada hadhir dalam apa<sup>2</sup> jua persidangan, maka Timbalan Yang di-Pertua itu atau jika ia pun tiada juga hadhir, siapa<sup>2</sup> jua ahli yang lain, menurut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh peratoran undang<sup>2</sup> Dewan Negara, hendak-lah memangku sa-bagai Yang di-Pertua.

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

**57.** (1) Dewan Ra'ayat hendak-lah dari satu masa ka-satu masa memileh sa-orang daripada ahli-nya menjadi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan sa-orang menjadi Timbalan Yang di-Pertua, dan tidak-lah boleh di-jalankan apa<sup>2</sup> jua kerja pada masa jawatan Yang di-Pertua itu kosong sa-lain daripada memileh sa-orang Yang di-Pertua.

(2) Sa-orang ahli yang memegang jawatan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua hendak-lah berhenti daripada jawatan-nya itu apabila ia berhenti daripada menjadi ahli Dewan Ra'ayat dan boleh-lah dia meletakkan jawatan-nya pada bila<sup>2</sup> masa jua pun.

(3) Pada bila<sup>2</sup> masa jua Yang di-Pertua itu tidak hadhir dalam suatu persidangan, maka Timbalan Yang di-Pertua itu, atau, jika ia pun tidak hadhir, siapa<sup>2</sup> jua ahli<sup>2</sup> yang lain menurut sa-bagaimana yang telah di-tetapkan oleh peratoran undang<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat, hendak-lah memangku sa-bagai Yang di-Pertua.

Gaji dan sa-bagai-nya bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

**58.** Parliament hendak-lah membuat undang<sup>2</sup> untuk mengadakan sharat<sup>2</sup> berkenaan dengan gaji dan sa-bagai-nya bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, dan gaji dan sa-bagai-nya yang di-sharatkan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat hendak-lah di-bayar daripada Kumpulan Wang.

Ahli<sup>2</sup> mengangkat sumpah.

**59.** (1) Tiap<sup>2</sup> ahli salah sa-buah Dewan Parliament hendak-lah sa-belum mengambil kerusi-nya mengangkat sumpah serta menurunkan tanda tangan-nya di-hadapan pengurus dalam Dewan itu ia-itu sumpah menurut chara yang telah di-sebutkan dalam Jadual Yang Keenam, tetapi sa-orang ahli itu boleh mengambil bahagian memileh Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

(2) Jika sa-orang ahli tidak mengambil kerusi-nya dalam tempoh tiga bulan kemudian daripada tarikh Dewan itu mula<sup>2</sup> bersidang sa-lepas ia di-pileh, atau pun sa-lama mana yang di-benarkan oleh Dewan itu, maka kerusi-nya itu hendak-lah menjadi kosong.

**60.** Yang di-Pertuan Agong boleh-lah memberi uchapan dalam salah sa-buah daripada Dewan Parliament itu atau pun kedua<sup>2</sup> Dewan itu sa-kali.

Uchapan  
Yang  
di-Pertuan  
Agong.

**61.** (1) Sa-lain daripada hak<sup>2</sup>-nya sa-bagai sa-orang ahli dalam sa-buah daripada Dewan Parliament itu, tiap<sup>2</sup> orang ahli Jama'ah Menteri hendak-lah berhak mengambil bahagian dalam perbinchangan Dewan yang lain itu.

Sharat<sup>2</sup>  
khas  
berkenaan  
Jama'ah  
Menteri dan  
Peguam  
Negara.

(2) Salah sa-buah daripada Dewan Parliament itu boleh-lah melantek menjadi ahli mana<sup>2</sup> jua Jawatan-kuasa<sup>2</sup> akan Peguam Negara, atau siapa<sup>2</sup> jua ahli Jama'ah Menteri walau pun ia bukan ahli dalam Dewan itu.

(3) Perkara ini tidak membenarkan siapa<sup>2</sup> jua yang bukan ahli dalam sa-buah Dewan mengundi dalam Dewan itu atau mana<sup>2</sup> jua jawatan-kuasa-nya.

**62.** (1) Dengan terta'alok kapada sharat<sup>2</sup> Perlembagaan ini dan undang<sup>2</sup> Persekutuan, tiap<sup>2</sup> sa-buah Dewan Parliament itu hendak-lah mengator peratoran-nya sendiri.

Peratoran  
Parliament.

(2) Tiap<sup>2</sup> sa-buah Dewan itu boleh menjalankan apa<sup>2</sup> jua kerja-nya walau pun ada kosong di-antara ahli<sup>2</sup>-nya dan ada orang yang tiada berhak hadhir akan mengambil bahagian maka hal yang demikian tidak-lah membatalkan apa<sup>2</sup> jua persidangan.

(3) Dengan terta'alok kapada Fasal (4) dan kapada Perkara 89 (1) dan 159 (3) tiap<sup>2</sup> Dewan hendak-lah mengambil keputusan-nya dengan sa-bulat suara, jika tidak, hendak-lah dengan bilangan undi yang lebih daripada ahli<sup>2</sup> yang hadhir mengundi, dan siapa<sup>2</sup> jadi pengerusi meshuarat hendak-lah mengundi dalam mana<sup>2</sup> masa yang mustahak supaya mengelakkan undi terjadi sama banyak tetapi dia-nya tidak-lah di-kehendaki mengundi sa-lain daripada yang tersebut.

(4) Dalam menjalankan peratoran-nya tiap<sup>2</sup> Dewan boleh mengadakan peratoran<sup>2</sup> berkenaan dengan sa-barang keputusan meshuarat-nya, dan keputusan itu tidak boleh di-ambil kechualikan dengan mendapat bilangan undi yang lebih banyak yang telah di-tetapkan atau dengan bilangan undi<sup>2</sup> yang telah di-tetapkan.

(5) Ahli<sup>2</sup> yang tidak hadhir dalam meshuarat tidak-lah di-benarkan mengundi.

Keutamaan<sup>2</sup>  
Dewan  
Ra'ayat.

**63.** (1) Sa-barang meshuarat yang di-adakan walau pun meshuarat mana<sup>2</sup> satu Dewan Parliament atau sa-barang jawatan-kuasa ada-lah di-akui sah meshuarat-nya dan tidak-lah boleh di-so'al dalam sa-barang mahkamah.

(2) Siapa<sup>2</sup> juah ahli Dewan Ra'ayat atau jawatan-kuasa yang berkenaan tidak-lah boleh di-bawa di-bicharakan ka-hadapan pengadilan sa-barang mahkamah yang bersabit dengan sa-barang tutor bahasa atau undi yang di-beri oleh-nya apabila ia-nya mengambil bahagian dalam sa-barang meshuarat Dewan Parliament atau jawatan-kuasa yang berkenaan dengan-nya.

(3) Siapa<sup>2</sup> juah ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat tidak-lah boleh di-bawa di-bicharakan ka-hadapan pengadilan sa-barang mahkamah berkenaan sa-barang yang telah di-siarkan oleh atau mengikut kuasa salah satu Dewan Parliament.

Gaji dan  
sa-bagai-  
nya bagi  
ahli<sup>2</sup>.

**64.** Parliament dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup> boleh mengadakan bayaran gaji dan sa-bagai-nya bagi ahli<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> Dewan.

Kerani  
Meshuarat  
Dewan  
Negara  
dan Dewan  
Ra'ayat.

**65.** (1) Hendak-lah di-adakan sa-orang Kerani Dewan Negara dan sa-orang Kerani Dewan Ra'ayat.

(2) Kerani Dewan Negara dan Kerani Dewan Ra'ayat itu hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dan, dengan terbaik alok kapada Fasal (3) dan sa-orang itu boleh memegang jawatan itu sa-hingga ia menchapai 'umur enam puluh tahun atau pada 'umur seperti yang di-adakan oleh undang<sup>2</sup> yang dibuat oleh Parliament, kechualan jika ia meletakkan jawatan-nya terlebih dahulu daripada tempoh itu.

(3) Kerani Dewan Negara dan Kerani Dewan Ra'ayat itu boleh di-pechat daripada jawatan-nya dengan alasan dan dengan chara yang seperti memberhentikan sa-orang Hakim Mahkamah Tertinggi, kechualikan permashhoran yang di-sebutkan dalam Perkara 125 (3) hendak-lah satu permashhoran yang telah di-buat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, atau siapa<sup>2</sup> yang berkenaan.

(4) Sa-belum melantek sa-barang ahli kaki-tangan-nya Kerani Dewan Negara itu hendak-lah berunding dengan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Kerani

Dewan Ra'ayat dengan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

(5) Kerani Dewan Negara, Kerani Dewan Ra'ayat dan ahli<sup>2</sup> kaki-tangan-nya ada-lah di-batalkan dari-pada menjadi ahli<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> satu Dewan Parliament atau Dewan Negeri mana<sup>2</sup> Negeri.

#### *Bab 5—Peratoran Undangan*

**66.** (1) Kuasa Parliament membuat undang<sup>2</sup> hendak-lah di-jalankan dengan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh kedua<sup>2</sup> Dewan (atau, bagi perkara yang di-terangkan dalam Perkara 68, Dewan Ra'ayat) dan di-perkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Menjalankan Kuasa Undangan.

(2) Dengan terta'alok kapada Perkara 67, suatu Rang Undang<sup>2</sup> boleh di-buat asal-nya daripada mana<sup>2</sup> satu Dewan.

(3) Apabila suatu Rang Undang<sup>2</sup> telah di-luluskan oleh Dewan yang mengadakan Rang itu, Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-hantarkan kepada Dewan yang lagi satu; dan ia-nya hendak-lah di-persembahkan kapada Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat idzin-nya apabila Rang Undang<sup>2</sup> itu sudah dapat persetujuan dari-pada kedua<sup>2</sup> buah Dewan itu atau sa-barang pindaan<sup>2</sup> yang di-buat kapada-nya atau apabila Rang Undang<sup>2</sup> itu di-kehendaki di-persembahkan mengikut Perkara 68.

(4) Yang di-Pertuan Agong hendak-lah menurunkan tanda tangan-nya kepada suatu Bakal Undang<sup>2</sup> dengan menurunkan Mohor Kerajaan kepada-nya, dan sa-sudah memberi idzin kepada sa-suatu Bakal Undang<sup>2</sup>, hendak-lah ia-nya memerentahkan supaya di-siarkan menjadi undang<sup>2</sup>.

(5) Suatu Bakal Undang<sup>2</sup> akan menjadi undang<sup>2</sup> sa-sudah di-beri idzin oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidak boleh di-jalankan kuat kuasa-nya sa-hingga ia-nya telah di-siarkan, dengan tidak merosakkan kuasa Parliament menanggohkan kuat kuasa bagi sa-barang undang<sup>2</sup> atau memberi kuat kuasa-nya pada tarikh yang terdahulu daripada undang<sup>2</sup> itu di-sahkan.

(6) Tiada-lah apa<sup>2</sup> di-dalam Perkara ini atau pun dalam Perkara 68 akan membatalkan apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang mengesahkan suatu pengakuan yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan suatu Bakal Undang<sup>2</sup> yang berkait dengan pengakuan itu, tidak akan di-kemukakan kapada Yang di-Pertuan Agong untuk di-perkenankan-nya kechualikan menurut pengakuan itu.

Sekatan  
bagi  
mengemuka-  
kan Rang  
Undang<sup>2</sup>  
dan  
menyokong  
pindaan<sup>2</sup>  
berkenaan  
dengan  
chukai,  
per-  
belanjaan,  
d.1.1.

- 67.** (1) Suatu Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan yang ada mensharatkan bagi—
- (a) mengenakan chukai atau menambahkan sa-barang chukai atau memansuhkan, mengurangkan sa-barang chukai yang ada, atau
  - (b) meminjamkan wang, atau memberi sa-barang jaminan, oleh Persekutuan, atau meminda undang<sup>2</sup> yang mengenai kewajipan<sup>2</sup> ke-wangan Negeri Persekutuan;
  - (c) menjaga Kumpulan Wang, pembayaran sa-barang wang berkenaan Kumpulan Wang atau memansuhkan sa-barang pembayaran yang saperti itu;
  - (d) membayar masok wang ka-dalam Kumpulan Wang atau membayar, membahagi atau mengeluarkan daripada Kumpulan Wang dari sa-barang wang yang tidak di-bayar daripada-nya, atau sa-barang tambahan dalam jumlah sa-sabuah pembayaran, membahagi atau mengeluarkan-nya;
  - (e) membayar sa-kali terus semua-nya atau mengurangkan sa-barang hutang yang hendak di-jelaskan kepada Negeri Persekutuan;
  - (f) menetapkan chukai<sup>2</sup> dan hasil<sup>2</sup> atau mengadakan peruntukan kapada sa-barang Negeri;
  - (g) penerimaan wang ka-dalam Kumpulan Wang atau menyimpan atau mengeluarkan wang<sup>2</sup> yang saperti itu atau memereksa hal perkiraan wang Negeri Persekutuan atau sa-sabuah Negeri;

tidak akan di-kemukakan atau di-chadangkan kechuali oleh sa-orang Menteri dan suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang mensharatkan bagi sa-barang perkara saperti itu tidak-lah boleh di-kemukakan dalam Dewan Negara.

(2) Suatu Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan hendak-lah tidak di-kirakan di-beri sharat bagi sa-barang perkara<sup>2</sup> yang tersebut dengan sebab hanya ia ada mensharat-kan—

- (a) bagi menjatohkan denda mengubah sa-barang denda atau denda berkenaan harta atau membayar atau minta chukai bayaran lesen atau bayaran bagi perkhidmatan yang telah di-beri; atau
- (b) bagi menjatohkan, menukar dan menjalankan sa-barang chukai atau chukai yang di-kenakan oleh pehak yang berkuasa tempatan atau badan untuk kegunaan tempatan.

**68.** (1) Apabila suatu Bakal Undang<sup>2</sup> wang di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dan telah di-hantarkan kepada Dewan Negara sa-tidak<sup>2</sup>-nya sa-bulan sa-belum persidangan masa itu berakhir, tidak di-luluskan oleh Dewan Negara dengan tidak di-buat apa<sup>2</sup> pindaan dalam tempoh sa-bulan, Bakal Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-sembahkan kapada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat idzin-nya kechualikan Dewan Ra'ayat tidak hendak berbuat demikian.

Memperkenankan bakal Undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat sahaja.

(2) Apabila—

(a) sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang bukan Rang Undang<sup>2</sup> Kewangan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dan di-hantar ka-Dewan Negara sa-tidak<sup>2</sup>-nya sa-bulan persidangan masa itu berakhir, dan tidak di-luluskan oleh Dewan Negara atau di-luluskan oleh Dewan Negara dengan di-buat apa<sup>2</sup> pindaan<sup>2</sup> kapada-nya yang tidak di-persetuju'i oleh Dewan Ra'ayat; dan

(b) dalam persidangan yang berikut (walau Parliament itu juga atau yang baharu) tetapi tidak dahulu daripada satu tahun sa-lepas Rang Undang<sup>2</sup> itu di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dengan tidak di-buat apa<sup>2</sup> pindaan lain sa-lain daripada yang di-sebutkan dalam Fasal (3), dan sa-kali lagi di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat di-hantar ka-Dewan Negara sa-tidak<sup>2</sup>-nya sa-bulan sa-belum persidangan masa itu berakhir dan tidak di-luluskan oleh Dewan Negara dengan di-buat pindaan<sup>2</sup> yang tidak di-persetuju'i oleh Dewan Ra'ayat,

maka Rang Undang<sup>2</sup> itu, boleh-lah di-sembahkan kapada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat idzin-nya dengan pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat jika ada, seperti yang di-persetuju'i oleh kedua<sup>2</sup> Dewan, kechualikan Dewan Ra'ayat tidak hendak berbuat demikian.

(3) Pindaan<sup>2</sup> yang di-sebut dalam Fasal (2), ada-lah pindaan<sup>2</sup> yang di-aku'i sah oleh Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat yang di-fikirkan mustahak di-sebabkan masa yang telah lampau semenjak Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-luluskan terlebeh dahulu dalam persidangan itu atau menunjukkan pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat dalam masa persidangan itu oleh Dewan Negara.

(4) Apabila suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang di-sebahkan kapada Yang di-Pertuan Agong dengan mengikut Perkara ini, berkehendakan suatu surat akuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat bahawa sharat<sup>2</sup> Perkara ini telah di-tunaikan dan dengan ada-nya surat akuan itu ada chukup bagi segala tujuan dan tidak boleh di-so'al dalam sa-barang mahkamah.

(5) Perkara ini tidak mengenai sa-barang Rang Undang<sup>2</sup> untuk di-buat sa-barang pindaan kapada Perlembagaan ini sa-lain daripada sa-buah pindaan yang di-kechualikan daripada sharat<sup>2</sup> Perkara 159 (3).

(6) Dalam Perkara ini "Rang Undang<sup>2</sup> kewangan" berma'ana sa-buah Rang Undang<sup>2</sup> yang mengandungi pada pendapatan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat itu hanya sharat<sup>2</sup> yang mengenai semua atau sa-barang perkara yang berikut ia-itu—

- (a) perkara<sup>2</sup> yang tersebut dan Perkara 67 (1) atau peratoran sa-barang chukai,
  - (b) mengurangkan sa-barang jumlah wang yang di-sebut dalam cheraian (d) Perkara 67 (1); dan
  - (c) sa-barang perkara yang sa-rupa dengan perkara atau mana<sup>2</sup> di-antara-nya,
- yang di-akuī sah oleh-nya sa-bagai Rang Undang<sup>2</sup> kewangan.

#### *Bab 6—Kuasa memegang berkenaan harta benda perjanjian<sup>2</sup> dan perbicharaan*

**69.** (1) Kerajaan Persekutuan ada kuasa mengambil, memegang dan menjual harta benda sa-barang jenis dan membuat perjanjian<sup>2</sup>.

(2) Kerajaan Persekutuan boleh menda'awa dan kena da'awa.

#### BAHAGIAN V

#### NEGERI

Kuasa  
Kerajaan  
Persekutuan  
memegang  
harta benda,  
perjanjian<sup>2</sup>  
dan per-  
bicharaan<sup>2</sup>.

Taraf Raja<sup>2</sup>  
dan  
Governor<sup>2</sup>  
siapa  
dahulu dan  
siapa  
kemudian.

**70.** (1) Dengan terta'alok kapada peratoran taraf sa-lepas Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong-nya, maka Raja<sup>2</sup> dan Governor<sup>2</sup> Negeri hendak-lah taraf-nya terdahulu daripada orang<sup>2</sup> yang lain dan tiap<sup>2</sup> Raja<sup>2</sup> dan Governor<sup>2</sup> Negeri dalam Negeri-nya hendak-lah taraf-nya dahulu daripada Raja<sup>2</sup> dan Governor<sup>2</sup> yang lain<sup>2</sup>.

(2) Dengan terta'alok kapada Fasal (1), Raja<sup>2</sup> hendak-lah taraf-nya dahulu daripada Governor<sup>2</sup> dan

antara sama sendiri-nya hendak-lah mengikut tarikh-nya menjadi Raja, dan Governor taraf-nya antara sendiri-nya hendak-lah mengikut tarikh lantekan-nya menjadi Governor, dan jika Governor<sup>2</sup> itu di-lantek pada sama hari itu juga maka siapa yang ber'umor tua hendak-lah dahulu taraf-nya daripada yang muda.

**71. (1)** Maka Negeri Persekutuan hendak-lah menjamin akan hak sa-orang Raja sa-buah Negeri itu mengganti dan memegang, mendapat dan menjalankan hak<sup>2</sup> Perlembagaan dan keutamaan Raja sa-buah Negeri itu menurut Perlembagaan sa-buah Negeri itu; tetapi apa<sup>2</sup> jua pertikaian berkenaan dengan perkara siapa ganti naik takhta mana<sup>2</sup> jua Negeri hendak-lah di-tentukan sa-mata<sup>2</sup> oleh badan kuasa yang tertentu dan mengikut chara<sup>2</sup> mana yang tertentu saperti yang di-sharatkan Perlembagaan Negeri itu.

(2) Fasal (1), bersama<sup>2</sup> dengan perubahan yang mustahak hendak-lah terpakai berhubong dengan Orang Besar yang memerentah Negeri Sembilan sa-bagaimana yang ia terpakai kapada Raja sa-buah Negeri.

(3) Jika ternampak kapada Parliament bahawa dalam mana<sup>2</sup> jua Negeri mana<sup>2</sup> jua sharat Perlembagaan ini atau pun Perlembagaan Negeri itu ada-lah menjadi kelaziman tiada di-turut, walau apa jua pun di-dalam Perlembagaan ini, Parliament boleh-lah dengan undang<sup>2</sup> membuat sharat supaya tetap di-turut akan sharat<sup>2</sup> yang tersebut itu.

(4) Jika pada bila<sup>2</sup> masa jua lepas daripada tiga puloh haribulan June tahun sa-ribu sembilan ratus lima puloh sembilan, maka ternampak kapada Parliament bahawa Perlembagaan apa<sup>2</sup> jua Negeri tidak-lah mengandungi sharat<sup>2</sup> saperti yang di-sebutkan dalam Bahagian I Jadual Yang Kedelapan, bersama<sup>2</sup> atau pun tiada perubahan<sup>2</sup> yang di-benarkan menurut Fasal (5) (kemudian daripada ini di-sebut "sharat<sup>2</sup> yang mustahak") atau pun sharat yang demikian itu hakikat-nya atau pun mengandungi sharat<sup>2</sup> yang tidak bersesuaian dengan sharat<sup>2</sup> yang mustahak, walau apa pun di-dalam Perlembagaan ini, Parliament boleh-lah dengan undang<sup>2</sup> membuat sharat memberi kuasa di-dalam Negeri itu kepada sharat<sup>2</sup> yang mustahak itu atau pun bagi memindahkan sharat<sup>2</sup> yang tidak bersesuaian itu.

(5) Sharat yang di-sebutkan di-dalam Bahagian I Jadual Yang Kedelapan boleh-lah di-ubah dengan

Jaminan  
Persekutuan  
akan Per-  
lembagaan  
Negeri.

menggantikan cheraian 2 atau 4 atau kedua<sup>2</sup> sharat saperti yang di-sebutkan di-dalam Bahagian II—

- (a) berkenaan dengan tiap<sup>2</sup> Negeri sa-hingga di-bubarkan Dewan Negeri yang kedua di-tubohkan mengikut sharat yang tersebut atau sharat yang telah di-pinda itu;
  - (b) berkenaan dengan Perlis sa-hingga di-putuskan oleh Dewan Negeri Perlis dan, berkenaan dengan sharat yang di-sebutkan di-dalam cheraian 2 di-dalam Jadual itu, sa-lama<sup>2</sup>-nya.
- (6) Suatu undang<sup>2</sup> yang di-keluarkan bagi sa-sabuah Negeri menurut Fasal ini, jika di-mansukhkan oleh Parliament, hendak-lah berhenti kuat kuasa-nya dari-pada hari yang di-tetapkan oleh Dewan Negeri baharu yang di-tubohkan di-dalam Negeri itu kemudian daripada di-luluskan oleh undang<sup>2</sup> itu.

Keutamaan<sup>2</sup>  
Dewan  
Negeri.

**72.** (1) Sah tidak-nya sa-barang perjalanan meshuarat dalam Dewan Negeri tidak-lah boleh di-datangkan hujjah di-dalam mana<sup>2</sup> jua mahkamah.

(2) Sa-orang itu tidak akan di-da'awa di-dalam mana jua mahkamah berkenaan dengan apa<sup>2</sup> jua yang di-chakapkan-nya atau berkenaan dengan undi-nya di-dalam persidangan Dewan Negeri atau dalam meshuarat apa<sup>2</sup> jua jawatan-kuasa Dewan Negeri itu.

(3) Siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-da'awa di-dalam mana<sup>2</sup> mahkamah berkenaan dengan apa<sup>2</sup> jua perkara yang di-keluarkan oleh atau menurut perentah Dewan Negeri.

#### BAHAGIAN VI

#### PERHUBONGAN ANTARA NEGERI PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI<sup>2</sup>

##### *Bab 1—Membahagi<sup>2</sup>kan kuasa membuat undang<sup>2</sup>*

Sa-takat  
mana kuasa  
undang<sup>2</sup>  
Persekutuan  
dan undang<sup>2</sup>  
Negeri.

**73.** Pada menjalankan kuasa<sup>2</sup> membuat undang<sup>2</sup> yang di-beri oleh Perlembagaan ini—

- (a) Parliament boleh mengeluarkan undang<sup>2</sup> bagi semua sa-kali atau sa-bahagian daripada Negeri Persekutuan dan membuat undang<sup>2</sup> dan berjalan kuat kuasa-nya di-luar dan juga di-dalam Negeri Persekutuan;
- (b) Kuasa Undangan sa-sabuah Negeri boleh mengeluarkan undang<sup>2</sup> bagi semua sa-kali atau sa-bahagian daripada Negeri itu.

sebab ugama-nya, bangsa-nya, keturunan atau tempat lahir-nya—

- (a) dalam hal mentadbirkan apa<sup>2</sup> jua sekolah yang di-tanggong belanja oleh sa-sabuah badan kuasa, dan, khas-nya, dalam perkara masok sekolah atau bayar sekolah; atau
  - (b) mengadakan bantuan wang daripada kumpulan wang sa-sabuah badan kuasa bagi belanja atau persekolahan murid<sup>2</sup> dalam apa<sup>2</sup> jua sekolah (sama ada di-tanggong oleh badan kuasa atau tidak di-tanggong oleh badan kuasa dan sama ada di-dalam atau di-luar Negeri Persekutuan).
- (2) Umat<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> ugama berhak menuahkan sekolah<sup>2</sup> ugama dan mengajar ugama-nya sendiri dan hendak-lah jangan ada bedza-membedza dengan alasan sa-mata<sup>2</sup> kerana si-polan si-polan itu berugama anu anu dalam apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> berkenaan dengan sekolah<sup>2</sup> itu atau berkenaan dengan mentadbirkan undang<sup>2</sup> itu; tetapi undang<sup>2</sup> persekutuan boleh mengadakan bantuan khas menuahkan atau menanggong belanja sekolah<sup>2</sup> atau bangunan<sup>2</sup> kerana ugama Islam atau mengajar ugama kapada orang<sup>2</sup> Islam.
- (3) Siapa<sup>2</sup> jua tidak di-kehendaki belajar atau mengambil bahagian dalam sa-barang apa jua isti'adat atau sembahyang mengikut ugama yang lain daripada ugama-nya sendiri.
- (4) Bagi maksud<sup>2</sup> Fasal (3) ugama sa-saorang yang ber'umor di-bawah daripada lapan belas tahun hendak-lah di-tetapkan oleh ibu bapa atau penjaga-nya.

**13.** (1) Siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-ambil harta-nya melainkan mengikut undang<sup>2</sup>. Hak<sup>2</sup>  
memileki  
harta.

(2) Apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh mensharatkan fasal mengambil harta orang dengan paksa atau menggunakan-nya dengan tidak di-bayar ganti rugi yang berpatutan.

### BAHAGIAN III

#### WARGA NEGARA

##### *Bab I—Meminta Jadi Warga Negara*

**14.** (1) Dengan terta'alok kapada Fasal (2), orang<sup>2</sup> seperti yang tersebut di-bawah ini menjadi warga negara menurut kuat kuasa undang<sup>2</sup>, ia-itu:

(a) tiap<sup>2</sup> orang yang sa-belum Hari Merdeka, menjadi warga negara Negeri Persekutuan

Menjadi  
warga  
negara  
menurut  
kuat kuasa  
undang<sup>2</sup>.

dengan menepati apa<sup>2</sup> sharat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tahun 1948, sama ada menurut kuat kuasa undang<sup>2</sup> atau lain<sup>2</sup> daripada itu;

- (b) tiap<sup>2</sup> orang yang lahir dalam Negeri Persekutuan pada atau pun sa-lepas Hari Merdeka;
- (c) tiap<sup>2</sup> orang yang lahir di-luar Negeri Persekutuan pada atau pun sa-lepas Hari Merdeka bapa-nya menjadi warga negara pada masa ia lahir itu dan sama ada bapa-nya itu telah di-lahirkan dalam Negeri Persekutuan atau pun bapa-nya itu bekerja dengan Kerajaan Negeri Persekutuan atau pun Kerajaan sa-sabuah Negeri pada masa anak-nya lahir itu.
- (d) tiap<sup>2</sup> orang yang lahir di-luar Negeri Persekutuan pada atau sa-lepas Hari Merdeka bapa-nya menjadi warga negara pada masa ia lahir itu; jika surat beranak-nya itu di-daftarkan di-sabuah Kedutaan Tanah Melayu dalam tempoh satu tahun lepas ia lahir itu, atau lebih daripada suatu tahun seperti yang di-benarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan mana<sup>2</sup> satu kelahiran yang tertentu.

(2) Sa-saorang itu tidak boleh jadi warga negara dengan mengikut kehendak perenggan (b) Fasal (1) jika, pada masa ia lahir bapa-nya, bukan menjadi warga negara Negeri Persekutuan, mempunyai kebebasan tiada boleh di-da'awa atau pun di-jalankan peratoran undang<sup>2</sup> ka-atas-nya saperti yang di-untokkan kapada sa-orang duta sa-sabuah kerajaan negeri asing yang di-akuī sah oleh Yang di-Pertuan Agong, atau jika bapa-nya pada masa itu sa-orang bangsa asing yang di-kira musoh dan lahir-nya itu berlaku di-sabuah negeri yang di-duduki musoh.

*Warga negara dengan pendaftaran (isteri<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> orang jadi warga negara).*

**15.** (1) Dengan terta'alok kapada Perkara 18, siapa<sup>2</sup> jua orang perempuan isteri kapada sa-orang warga negara berhak-lah ia boleh di-daftarkan jadi warga negara apabila ia meminta kapada pehak kuasa pendaftaran itu.

(2) Dengan terta'alok kapada Perkara 18, siapa<sup>2</sup> jua yang ber'umor bawah daripada dua puluh satu tahun bapa-nya sa-orang warga negara atau pun, jika bapa-nya itu sudah jadi warga negara masa mati-nya, maka orang itu ada-lah berhak, boleh di-daftarkan jadi

warga negara jikalau ibu bapa atau penjaga-nya telah meminta kapada pehak berkuasa pendaftaran dan jikalau pehak yang berkuasa itu berasa puas hati bahawa ia itu biasa-nya tinggal di-Negeri Persekutuan dan berkelakuan baik.

(3) Hal yang di-sebutkan dalam Perkara ini berkenaan dengan sa-orang perempuan yang sudah ber-suami ia-lah berhubong dengan sa-orang perempuan yang perkahwinan-nya itu telah di-daftarkan menurut apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> negeri yang berjalan kuat kuasa-nya dalam Negeri Persekutuan, termasok-lah apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang berjalan kuat kuasa-nya sa-belum Hari Merdeka.

**16.** Dengan terta'alok kapada Perkara 18, siapa<sup>2</sup> jua yang ber'umor lapan belas tahun atau lebeh yang lahir di-Negeri Persekutuan sa-belum Hari Merdeka berhak-lah, ia boleh di-daftarkan jadi warga negara dan jika ia meminta pada pehak berkuasa pendaftaran dan ia memuaskan hati pehak yang berkuasa itu mengata-kan—

- (a) ia telah ada tinggal dalam Negeri Persekutuan, sa-lama berjumlah tidak kurang daripada lima tahun dalam tempoh tujuh tahun sa-belum tarikh permohonan-nya;
- (b) jika ia bermaksud hendak bermastautin dalam Negeri Persekutuan;
- (c) ia berkelakuan baik; dan
- (d) ia mengerti bahasa Melayu yang senang<sup>2</sup> melainkan jikalau ia telah meminta dalam tempoh sa-tahun sa-lepas Hari Merdeka.

Menjadi warga negara dengan pendaftaran (orang<sup>2</sup> yang lahir di-Negeri Persekutuan sa-belum Hari Merdeka).

**17.** Dengan terta'alok kapada Perkara 18, siapa<sup>2</sup> jua yang ber'umor lebeh daripada lapan belas tahun atau lebeh yang telah tinggal dalam Negeri Persekutuan pada Hari Merdeka, dengan terta'alok kapada sharat<sup>2</sup> Jadual Yang Kedua, boleh-lah ia di-daftarkan jadi warga negara jika ia meminta kapada pehak pendaftaran dan jika ia memuaskan hati pehak yang berkuasa itu mengatakan—

- (a) ia telah ada tinggal dalam Negeri Persekutuan, sa-lama berjumlah tidak kurang daripada lapan tahun daripada dua belas tahun terdahulu daripada tarikh membuat per-mintaan itu;
- (b) jika ia bermaksud hendak bermastautin dalam Negeri Persekutuan;
- (c) ia berkelakuan baik; dan

Menjadi warga negara dengan chara pen-daftaran (orang yang tinggal dalam Negeri Persekutuan pada Hari Merdeka).

(d) ia mengerti bahasa Melayu yang senang<sup>2</sup> melainkan jikalau ia telah meminta dalam tempoh sa-tahun sa-lepas Hari Merdeka dan ‘umor-nya empat puluh lima tahun pada tarikh ia membuat permintaan-nya.

Sharat<sup>2</sup> ‘am berkenaan dengan pendaftaran.

**18.** (1) Siapa<sup>2</sup> juga yang ber‘umor lapan belas tahun atau lebih sa-kali<sup>2</sup> tiada boleh di-daftarkan menjadi warga negara menurut Perkara 15, 16 atau 17 sa-hingga dia telah mengangkat sumpah saperti yang telah disebutkan dalam Jadual Yang Pertama.

(2) Kechuali dengan di-perkenankan oleh Kerajaan Persekutuan, sa-saorang yang telah membatalkan atau telah di-luchutkan kewarga negaraan-nya mengikut Perlembagaan ini, atau telah membatalkan atau telah di-luchutkan kewarga negaraan Persekutuan-nya atau kewarga negaraan Negeri Persekutuan sa-belum Hari Merdeka ia-itu menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, sa-kali<sup>2</sup> tiada boleh di-daftarkan menjadi warga negara menurut mana<sup>2</sup> juga daripada Perkara<sup>2</sup> yang tersebut itu.

(3) Sa-saorang yang telah di-daftarkan menjadi warga negara menurut mana<sup>2</sup> juga Perkara<sup>2</sup> yang tersebut tadi tetap-lah menjadi warga negara dengan chara pendaftaran mulaï daripada hari ia di-daftarkan itu.

(4) Bagi maksud apa<sup>2</sup> juga permintaan hendak jadi warga negara dengan chara pendaftaran menurut mana<sup>2</sup> juga daripada Perkara<sup>2</sup> yang tersebut tadi, sa-saorang itu tetap-lah di-kirakan berkelakuan baik melainkan jika, dalam tempoh tiga tahun dahulu daripada tarikh permintaan itu—

- (a) ia telah di-dapati salah dan di-jatohkan hukum bunoh oleh mahkamah dalam mana<sup>2</sup> juga negeri kerana melakukan kesalahan janayah; atau
- (b) ia telah di-hukum penjara sa-lama dua belas bulan atau lebih yang di-jatohkan ka-atasnya kerana kesalahan janayah (baik dalam tempoh yang tersebut itu atau terdahulu daripada itu) oleh mahkamah demikian itu, dan tidak mendapat ampun sama ada berkenaan dengan (a) atau (b).

Kewarga negaraan dengan chara permohonan.

**19.** Dengan terta'lok kapada Perkara 21, Kerajaan Persekutuan boleh-lah mengeluarkan suatu surat akuan jadi warga negara dengan chara permohonan kapada siapa<sup>2</sup> juga orang yang ber‘umor dua puluh satu tahun

atau lebih jika ia meminta dan jika Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan—

- (a) orang itu telah ada tinggal dalam Negeri Persekutuan sa-lama berjumlah tidak kurang daripada sa-puloh tahun daripada dua belas tahun terdahulu daripada tarikh permintaan-nya itu;
- (b) jika ia bermaksud hendak bermastautin dalam Negeri Persekutuan jika surat akuan itu di-keluarkan;
- (c) ia berkelakuan baik; dan
- (d) ia mengerti bahasa Melayu dengan sa-chukup-nya.

**20.** (1) Dengan terta'lok kapada Perkara 21, Kerajaan Persekutuan hendak-lah mengeluarkan surat akuan menjadi warga negara menurut chara permohonan pada siapa<sup>2</sup> jua orang yang meminta-nya menurut kehendak Fasal (2) jikalau Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan—

Ahli<sup>2</sup>  
pasukan<sup>2</sup>  
bersenjata  
Negeri  
Persekutuan  
jadi warga  
negara.

- (a) orang itu telah berkhidmat dengan memuaskan hati sa-lama tiada kurang daripada tiga tahun dalam perkhidmatan yang penoh masa, atau sa-lama tidak kurang daripada empat tahun dalam perkhidmatan sa-bahagian masa, dalam apa<sup>2</sup> jua pasukan bersenjata Negeri Persekutuan sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud<sup>2</sup> Perkara ini; dan
- (b) ia hendak bermastautin dalam Negeri Persekutuan jika surat akuan itu di-keluarkan kapada-nya.

(2) Permintaan menurut Perkara ini boleh-lah dibuat sama ada pada masa orang itu berkhidmat di-dalam pasukan bersenjata saperti yang tersebut atau dalam tempoh lima tahun sa-lepas ia berhenti atau lebih daripada lima tahun saperti yang di-benarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubong dengan mana<sup>2</sup> satu permintaan yang tertentu.

(3) Perkhidmatan dalam pasukan bersenjata Negeri Persekutuan yang di-sebutkan dalam Perkara ini termasok-lah perkhidmatan sa-belum Hari Merdeka; dan mengira tempoh perkhidmatan penoh masa dalam pasukan<sup>2</sup> bersenjata bagi maksud<sup>2</sup> Perkara ini, berkenaan dengan sa-saorang yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan penoh masa dan perkhidmatan sa-bahagian masa, apa<sup>2</sup> tempoh dua bulan perkhidmatan

bahagian masa hendak-lah di-kira sa-bagai satu bulan perkhidmatan penoh masa.

Sharat<sup>2</sup> am berhubong warga negara dengan chara permohonan.

Kewarga negaraan apabila dimasukkan negeri baharu ka-dalam Negeri Persekutuan.

Luchut kewarga negaraan.

Kewarga negaraan di-luchutkan apabila mendapat kewarga negaraan negeri asing atau meng-amalkan hak-nya dan lain<sup>2</sup>.

**21.** (1) Surat akuan menjadi warga negara dengan chara permohonan tidak akan di-keluarkan kapada siapa<sup>2</sup> jua menurut Perkara 19 atau 20 sa-hingga ia telah mengangkat sumpah saperti yang di-sebutkan dalam Jadual Yang Pertama.

(2) Sa-saorang yang telah di-berikan surat akuan menjadi warga negara dengan chara permohonan mengikut mana<sup>2</sup> jua Perkara<sup>2</sup> yang tersebut tetap-lah jadi warga negara dengan chara permohonan ia-itu daripada tarikh surat akuan itu.

**22.** Jikalau apa<sup>2</sup> jua negeri lain di-satukan dengan Negeri Persekutuan menurut Perkara 2, Parliament, dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup> boleh-lah menentukan siapa orang-nya yang akan jadi warga negara dengan kerana perhubungan-nya dengan negeri yang di-satukan itu dan apa tarikh atau tarikh<sup>2</sup>-nya orang itu mulai jadi warga negara Negeri Persekutuan.

### Bab 2—Berhenti jadi warga negara

**23.** (1) Barang siapa warga negara yang ber'umor dua puluh satu tahun atau lebih dan tidak gila dan ia warga negara negeri lain juga boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan Negeri Persekutuan dengan membuat surat sumpah yang di-daftarkan oleh pehak berkuasa pendaftaran dan berhenti-lah ia daripada jadi warga negara Negeri Persekutuan sa-telah di-daftarkan surat sumpah itu.

(2) Surat sumpah menurut Perkara ini yang di-buat dalam masa Negeri Persekutuan berperang dengan negeri lain tidak akan di-daftarkan melainkan dengan di-perkenankan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi surat sumpah sa-lain daripada yang tersebut di atas itu boleh-lah di-daftarkan.

(3) Perkara ini boleh-lah di-pakaikan kapada orang perempuan ber'umor di-bawah dua puluh satu tahun yang bersuami sa-bagaimana juga di-pakaikan kapada laki<sup>2</sup> yang ber'umor dua puluh satu tahun atau lebih.

**24.** (1) Jikalau Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan siapa<sup>2</sup> warga negara itu pada bila<sup>2</sup> masa pun lepas Hari Merdeka telah mendapat kewarga negaraan mana<sup>2</sup> jua negeri di-luar daripada Negeri Persekutuan sama ada dengan jalan pendaftaran atau dengan jalan permohonan atau lain<sup>2</sup> jalan suka hati sendiri dengan sa-chara-nya (sa-lain daripada berkahwin), maka Kerajaan Persekutuan dengan

mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan orang itu.

(2) Jikalau Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan siapa<sup>2</sup> warga negara itu pada bila<sup>2</sup> masa pun lepas Hari Merdeka dengan suka hati mengaku dan meng'amalkan dalam negeri asing apa<sup>2</sup> hak yang ada kapada-nya mengikut undang<sup>2</sup> negeri asing itu ia-itu hak<sup>2</sup> yang di-berikan kapada warga negara negeri asing itu sahaja, Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan orang itu.

(3) Jika ada sharat yang berjalan kuat kuasa-nya menurut undang<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> jua negeri Commonwealth bagi memberi hak<sup>2</sup> kapada warga negara negeri itu ia-itu hak<sup>2</sup> yang tidak di-berikan kapada warga negara negeri Commonwealth yang lain, maka Fasal (2) hendak-lah terpakai, berhubong dengan hak<sup>2</sup> itu, sa-olah<sup>2</sup> negeri itu ia-lah negeri asing.

(4) Jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu siapa<sup>2</sup> jua orang perempuan yang jadi warga negara dengan chara pendaftaran menurut Fasal (1) Perkara 15 telah mendapat kewarga negaraan barang mana negeri luar Negeri Persekutuan dengan sebab ia berkahwin dengan sa-orang yang bukan warga negara Negeri Persekutuan maka boleh-lah Kerajaan Persekutuan mengeluarkan perentah meluchutkan kewarga negaraan Persekutuan daripada-nya.

**25.** (1) Dengan tertia'lok kapada Fasal (3), Kerajaan Persekutuan boleh-lah dengan mengeluarkan perentah meluchutkan kewarga negaraan siapa<sup>2</sup> jua yang menjadi warga negara dengan chara pendaftaran menurut Perkara 17 atau pun sa-orang warga negara yang mendapat kewarga negaraan-nya mengikut chara permohonan jika Kerajaan Persekutuan itu puas hati mengatakan—

Meluchutkan kewarga negaraan dengan chara pendaftaran menurut Perkara 17 atau dengan chara permohonan.

- (a) ia telah menunjukkan diri-nya sama ada dengan perbuatan atau pun pertutoran-nya ia-itu ia tiada ta'at atau pun membelakangkan Negeri Persekutuan;
- (b) dalam masa peperangan antara Negeri Persekutuan dengan negeri lain ia dengan menyalahi undang<sup>2</sup> telah berniaga atau berhubong dengan musoh atau telah berchampor atau mengambil bahagian dalam apa<sup>2</sup> jua urusan yang di-ketahui-nya di-jalankan dengan keadaan yang boleh menjadi pertolongan kepada musoh dalam peperangan itu; atau

(c) ia, dalam tempoh lima tahun mula daripada tarikh di-daftar atau di-keluarkan surat akuan jadi warga negara, telah di-hukumkan penjara dalam mana<sup>2</sup> negeri sa-lama tidak kurang daripada dua belas bulan atau denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau denda yang sama banyak nilaiannya dengan lima ribu ringgit mengikut wang negeri itu, dan tidak mendapat ampun berkenaan dengan kesalahan yang telah di-jatohkan hukum ka atasnya itu.

(2) Dengan terta' alok kapada Fasal (3), Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan siapa<sup>2</sup> juga warga negara dengan chara pendaftaran menurut Perkara 17 atau warga negara dengan chara permohonan jika Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan orang itu biasa-nya telah ada tinggal dalam negeri<sup>2</sup> asing sa-lama tujuh tahun dengan tidak putus<sup>2</sup> dan sa-lama tujuh tahun itu ia—

- (a) pada bila<sup>2</sup> masa juga tidak dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan atau pertubuhan bangsa<sup>2</sup> yang Kerajaan Persekutuan jadi ahli; atau
- (b) ia memberi tahu Kedutaan Tanah Melayu pada tiap<sup>2</sup> tahun akan tujuan-nya hendak kekal jadi ra'ayat Persekutuan.

(3) Siapa<sup>2</sup> juga tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut Perkara ini kechuali Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu tidak mendatangkan kebijikan kapada kerajaan jika orang itu berlanjutan menjadi warga negara; dan siapa<sup>2</sup> juga tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut Fasal (1) jika, ia tidak akan jadi warga negara mana<sup>2</sup> juga negeri di-luar daripada Negeri Persekutuan apabila di-luchutkan kewarga negaraan-nya itu.

Lain<sup>2</sup> sharat meluchutkan kewarga negaraan dengan chara pendaftaran atau chara permohonan.

**26.** (1) Dengan terta' alok kapada Fasal (3), Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan siapa<sup>2</sup> warga negara dengan chara pendaftaran atau dengan chara permohonan jika Kerajaan Persekutuan puas hati mengatakan ia-itu pendaftaran atau surat akuan jadi warga negara dengan chara permohonan—

- (a) di-peroleh dengan jalan tipu, atau keterangan falsu atau menyembunyikan hakikat yang sa-benar; atau

(b) telah di-buat atau di-keluarkan dengan khilaf.

(2) Dengan tertia'lok kapada Fasal (3), Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan siapa<sup>2</sup> jua perempuan yang jadi warga negara dengan chara pendaftaran menurut Fasal (1) dalam Perkara 15 jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu jika ia telah bercherai dengan suami sa-lain daripada bercherai mati dalam tempoh dua tahun mulaï daripada tarikh perkahwinannya.

(3) Siapa<sup>2</sup> jua pun tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut Perkara ini kechuali jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu tiada mendaangkan kebajikan kapada kerajaan jika orang berlanjutan menjadi warga negara; dan siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut perenggan (b) Fasal (1) kechuali jika pemberi tahu yang di-kehendaki oleh Perkara 27 telah di-beri dalam tempoh dua belas bulan mulai daripada tarikh pendaftaran atau tarikh surat akuan itu, mana<sup>2</sup> satu yang berkenaan.

(4) Kechuali saperti yang di-sharatkan oleh Perkara ini, hal mendaftarkan sa-saorang itu jadi warga negara atau hal mengeluarkan surat akuan jadi warga negara dengan chara permohonan kapada siapa<sup>2</sup> jua tidak-lah boleh menjadi perkara perbahatan dengan sebab silap.

**27.** (1) Sa-belum mengeluarkan perentah menurut Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendak-lah memberi surat kapada orang di-chadang hendak di-keluarkan perentah itu menerangkan kapada-nya alasan<sup>2</sup> di-keluarkan perentah itu dan menerangkan hak-nya boleh meminta hal-nya itu di-sampaikan kapada jawatan-kuasa penyiasat menurut Perkara ini.

Perintahan  
meluchutkan  
kewarga  
negaraan.

(2) Jika siapa<sup>2</sup> yang telah di-beri surat ini meminta di-sampaikan hal-nya itu kapada jawatan-kuasa penyiasat saperti yang tersebut tadi, maka Kerajaan Persekutuan hendak-lah, tetapi dalam apa<sup>2</sup> jua perkara lain Kerajaan Persekutuan boleh-lah menyampaikan perkara itu kapada suatu jawatan-kuasa penyiasat mengandungi sa-orang pegawai (sa-orang yang mempunyai pengalaman kehakiman) dua orang ahli lain yang di-lantek oleh Kerajaan bagi maksud itu.

(3) Dalam apa<sup>2</sup> jua hal yang di-sampaikan kapada jawatan-kuasa penyiasat, maka jawatan-kuasa itu

(b) telah di-buat atau di-keluarkan dengan khilaf.

(2) Dengan tertia'lok kapada Fasal (3), Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan perentah boleh-lah meluchutkan kewarga negaraan siapa<sup>2</sup> jua perempuan yang jadi warga negara dengan chara pendaftaran menurut Fasal (1) dalam Perkara 15 jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu jika ia telah bercherai dengan suami sa-lain daripada bercherai mati dalam tempoh dua tahun mulaï daripada tarikh perkahwinannya.

(3) Siapa<sup>2</sup> jua pun tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut Perkara ini kechuali jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia-itu tiada menda-tangkan kebajikan kapada kerajaan jika orang berlanjutan menjadi warga negara; dan siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menu-rut perenggan (b) Fasal (1) kechuali jika pemberi tahu yang di-kehendaki oleh Perkara 27 telah di-beri dalam tempoh dua belas bulan mulai daripada tarikh pendaf-taran atau tarikh surat akuan itu, mana<sup>2</sup> satu yang berkenaan.

(4) Kechuali saperti yang di-sharatkan oleh Perkara ini, hal mendaftarkan sa-saorang itu jadi warga negara atau hal mengeluarkan surat akuan jadi warga negara dengan chara permohonan kapada siapa<sup>2</sup> jua tidak-lah boleh menjadi perkara perbahatan dengan sebab silap.

**27.** (1) Sa-belum mengeluarkan perentah menurut Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendak-lah memberi surat kapada orang di-chadang hendak di-keluarkan perentah itu menerangkan kapada-nya alasan<sup>2</sup> di-keluarkan perentah itu dan menerangkan hak-nya boleh meminta hal-nya itu di-sampaikan kapada jawatan-kuasa penyiasat menurut Perkara ini.

Perintahan  
meluchutkan  
kewarga  
negaraan.

(2) Jika siapa<sup>2</sup> yang telah di-beri surat ini meminta di-sampaikan hal-nya itu kepada jawatan-kuasa penyiasat saperti yang tersebut tadi, maka Kerajaan Persekutuan hendak-lah, tetapi dalam apa<sup>2</sup> jua perkara lain Kerajaan Persekutuan boleh-lah menyampaikan perkara itu kapada suatu jawatan-kuasa penyiasat mengandungi sa-orang pegawai (sa-orang yang mem-punyaï pengalaman kehakiman) dua orang ahli lain yang di-lantek oleh Kerajaan bagi maksud itu.

(3) Dalam apa<sup>2</sup> jua hal yang di-sampaikan kapada jawatan-kuasa penyiasat, maka jawatan-kuasa itu

hendak-lah menjalankan penyiasatan mengikut sa-bagaimana yang di-perentahkan oleh Kerajaan Persekutuan dan hendak-lah menyerahkan penyata-nya kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan hendak-lah memberi perhatian akan penyata ini pada masa memutuskan ada-kah hendak di-keluarkan perentah itu atau tidak.

Memakaikan  
Bab 2  
kapada  
sa-tengah<sup>2</sup>  
warga  
negara  
dengan  
kuasa  
perjalanan  
undang<sup>2</sup>.

**28. (1)** Bagi maksud sharat<sup>2</sup> yang telah lalu dalam Bab ini—

- (a) sa-belum Hari Merdeka siapa<sup>2</sup> jua menjadi warga negara persekutuan atau warga negara Negeri Persekutuan dengan chara pendaftaran sa-bagai sa-orang warga negara atau pun menjadi warga negara dengan kerana ia di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Raja, atau dengan di-beri surat akuan kewarga negaraan menurut mana<sup>2</sup> jua sharat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, atau menurut mana<sup>2</sup> jua sharat undang<sup>2</sup> Negeri hendak-lah di-hitongkan dia sa-bagai warga negara dengan chara pendaftaran, dan, jikalau dia tidak di-lahirkan dalam Negeri Persekutuan hendak-lah di-hitongkan dia sa-bagai sa-orang warga negara dengan chara pendaftaran menurut Perkara 17;
- (b) sa-belum Hari Merdeka sa-saorang perempuan yang menjadi warga negara persekutuan atau warga negara Negeri Persekutuan dengan chara pendaftaran sa-bagai sa-orang warga negara atau pun menjadi warga negara dengan kerana ia di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Raja, menurut mana<sup>2</sup> jua sharat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, atau menurut sharat mana<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> Negeri memberi kuasa berkenaan dengan mendaftarkan perempuan<sup>2</sup> yang bersuamikan warga negara Negeri Persekutuan atau bersuamikan ra'ayat Raja Negeri itu hendak-lah di-hitongkan sa-bagai sa-orang warga negara dengan chara pendaftaran menurut Fasal (1) Perkara 15;
- (c) sa-belum Hari Merdeka siapa<sup>2</sup> jua yang menjadi warga negara persekutuan dengan chara permohonan atau warga negara Negeri Persekutuan menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu atau menjadi warga

negara persekutuan atau warga negara Negeri Persekutuan dengan kerana ia menjadi ra'ayat Raja dengan chara permohonan menurut mana<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> dalam Negeri itu hendak-lah [dengan tertia' alok kepada Fasal (2)] di-hitong jadi warga negara dengan chara permohonan,

dan sebutan<sup>2</sup> dalam sharat<sup>2</sup> yang tersebut itu berkenaan dengan jadi warga negara dengan chara pendaftaran atau chara permohonan hendak-lah di-fahamkan mengikut tujuan yang di-kehendaki.

(2) Siapa<sup>2</sup> jua yang di-lahirkan dalam Negeri Persekutuan sa-kali<sup>2</sup> tiada boleh di-luchutkan kewarga negaraan-nya menurut kuasa Perkara ini mengikut Perkara 25.

### *Bab 3—Sharat<sup>2</sup> tambahan*

**29.** (1) Oleh kerana Negeri Persekutuan akan dudok dalam lengkongan Commonwealth tiap<sup>2</sup> warga negara Negeri Persekutuan akan mendapat taraf warga negara Commonwealth sama saperti warga<sup>2</sup> negara negeri Commonwealth yang lain<sup>2</sup>.

Kewarga negaraan Commonwealth.

(2) Apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang ada sekarang, hendak-lah terpakai kapada warga negara Republic of Ireland yang bukan warga negara Commonwealth sama saperti kapada warga negara Commonwealth; di-kechualikan sa-bagaimana yang di-sharatkan oleh Parliament.

**30.** (1) Siapa<sup>2</sup> jua yang meminta hendak menjadi warga negara, tetapi keterangan-nya waswas baik tentang hakikat atau undang<sup>2</sup> maka pehak berkuasa pendaftaran boleh-lah mengesahkan bahawa orang itu sa-orang warga negara.

Surat<sup>2</sup> akuan kewarga negaraan.

(2) Sa-suatu surat akuan yang di-keluarkan menurut Perkara ini tetap-lah jadi keterangan mu'tamad mengatakan orang yang di-sebutkan nama-nya dalam surat akuan itu ia-lah sa-orang warga negara pada tarikh surat akuan itu, tetapi dengan tidak merosakkan apa<sup>2</sup> keterangan mengatakan ia itu sa-orang warga negara dahulu daripada tarikh surat akuan itu; di-kechualikan jika telah di-terangkan sa-hingga sah mengatakan bahawa surat akuan itu telah di-dapati dengan jalan tipu, atau keterangan palsu atau di-semburyikan hakikat yang sa-benar-nya.

**31.** Sharat<sup>2</sup> tambahan yang terkandong dalam Jadual Yang Kedua hendak-lah berjalan kuat kuasa-nya bagi maksud<sup>2</sup> Bahagian ini sa-hingga Parliament mensharatkan atas-nya.

Memakaikan Jadual 2.

## BAHAGIAN I

NEGERI<sup>2</sup>, UGAMA DAN UNDANG<sup>2</sup> NEGERI  
PERSEKUTUAN

**1.** (1) Ada pun Negeri Persekutuan nama-nya Persekutuan Tanah Melayu (dalam bahasa Inggeris-nya Federation of Malaya).

Nama  
Negeri<sup>2</sup> dan  
daerah<sup>2</sup>  
dalam  
Negeri  
Persekutuan.

(2) Negeri<sup>2</sup> dalam Negeri Persekutuan itu ia-lah Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu (dahulu-nya ia-lah Negeri<sup>2</sup> Melayu) dan Melaka dan Pulau Pinang (dahulu-nya ia-lah Negeri<sup>2</sup> Selat Melaka dan Pulau Pinang).

(3) Daerah<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> sa-buah Negeri yang tersebut dalam Fasal (2) itu ia-lah daerah<sup>2</sup> Negeri itu sa-belum Hari Merdeka.

**2.** Parliament dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup> ber-kuasa boleh—

Negeri<sup>2</sup> lain  
hendak  
masuk dalam  
Negeri  
Persekutuan.

(a) menerima Negeri<sup>2</sup> masuk ka-dalam Negeri Persekutuan;

(b) mengubah sempadan<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> jua Negeri;

akan tetapi suatu undang<sup>2</sup> mengubah sempadan<sup>2</sup> sa-sabuah Negeri tidak boleh di-luluskan dengan tiada mendapat persetujuan daripada Negeri itu (dengan undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Kuasa Undangan Negeri) dan persetujuan Majlis Raja<sup>2</sup>.

**3.** (1) Ugama di-Negeri Persekutuan ia-lah ugama Islam; akan tetapi ugama<sup>2</sup> yang lain boleh di-'amalkan dengan aman dan damai dalam mana<sup>2</sup> jua Negeri dalam Negeri Persekutuan.

Ugama  
di-Negeri  
Persekutuan.

(2) Dalam tiap<sup>2</sup> Negeri sa-lain daripada Negeri Melaka dan Pulau Pinang kedudukan Raja Negeri itu sa-bagai Ketua Ugama Islam dalam Negeri-nya sa-bagaimana dan sa-banyak mana yang di-akuī dan dimashhorkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, dengan tertialok kapada Perlembagaan Negeri itu, semua hak<sup>2</sup>, keutamaan<sup>2</sup>, kuasa<sup>2</sup> pengampun dan kuasa<sup>2</sup> lain yang ada pada-nya sa-bagai Ketua Ugama Islam, tidak-lah tersentoh dan terchachat; tetapi dalam apa<sup>2</sup> jua perbuatan, upachara<sup>2</sup> atau 'adat isti'adat yang telah di-persetujukan oleh Majlis Raja<sup>2</sup> supaya di-ikut dalam Negeri Persekutuan semua sa-kali tiap<sup>2</sup> sa-orang Raja Negeri lain itu dengan sifat-nya jadi

Ketua Ugama Islam dalam Negeri-nya hendak-lah berwakil kapada Yang di-Pertuan Agong menggantikan-nya dalam perbuatan<sup>2</sup>, upachara<sup>2</sup> atau 'adat isti-'adat yang tersebut tadi.

(3) Dalam Perlembagaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang hendak-lah di-adakan sharat meletakkan Yang di-Pertuan Agong sa-bagai Ketua Ugama Islam dalam masing<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> itu.

(4) Tiada sa-suatu apa pun dalam Perkara ini mengurangkan kuasa dalam mana<sup>2</sup> jua sharat lain dalam Perlembagaan ini.

Undang<sup>2</sup>  
Tertinggi  
dalam  
Negeri  
Persekutuan.

**4.** (1) Perlembagaan ini ia-lah undang<sup>2</sup> tertinggi dalam Negeri Persekutuan dan apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang di-luluskan lepas Hari Merdeka yang tidak sama maksud-nya dengan Perlembagaan ini tetap-lah tidak sah sa-banyak mana yang tidak sama itu.

(2) Sah tidak-nya apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> tidak-lah boleh di-so'al di atas alasan mengatakan bahawa—

(a) undang<sup>2</sup> itu mengenakan sekatan<sup>2</sup> di-atas hak yang di-sebutkan dalam Perkara 9 (2) tetapi tidak berkait dengan perkara<sup>2</sup> yang di-sebutkan di-dalam-nya; atau

(b) undang<sup>2</sup> itu mengenakan apa<sup>2</sup> jua sekatan saperti yang di-sebutkan dalam Perkara 10 (2) tetapi sekatan<sup>2</sup> itu tidak di-hitongkan mustahak oleh Parliament bagi maksud yang di-sebutkan dalam Perkara itu.

(3) Sah tidak-nya apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Parliament atau oleh Kuasa Undangan mana<sup>2</sup> jua Negeri<sup>2</sup> tidak-lah boleh di-so'al di-atas alasan mengatakan undang<sup>2</sup> itu mengadakan sharat berkenaan dengan apa<sup>2</sup> jua perkara yang tidak berkuasa Parliament dan Kuasa Undangan Negeri itu meluluskan-nya, di-kechualikan—

(a) jikalau undang<sup>2</sup> itu telah di-luluskan oleh Parliament dalam perbicharaan<sup>2</sup> di-antara Negeri Persekutuan dengan sa-buah atau lebih daripada sa-buah Negeri;

(b) jikalau undang<sup>2</sup> itu telah di-luluskan oleh Kuasa Undangan sa-buah Negeri dalam perbicharaan<sup>2</sup> di-antara Negeri Persekutuan dengan Negeri itu.

**BAHAGIAN II**  
**KEBEBA SAN<sup>2</sup> ASASI**

**5.** (1) Siapa<sup>2</sup> jua sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh di-ambil nyawa-nya atau kebebasan diri-nya melainkan mengikut kehendak undang<sup>2</sup>. Kebebasan sa-saorang.

(2) Jika ada pengaduan kapada Mahkamah Tertinggi atau kapada siapa<sup>2</sup> jua hakim Mahkamah Tertinggi mengatakan sa-saorang itu di-tahan dengan chara yang tidak di-benarkan oleh undang<sup>2</sup>, maka Mahkamah itu hendak-lah menjalankan siasat berkenaan dengan pengaduan itu dan hendak-lah mengeluarkan perentah suroh bawa orang yang di-tahan itu ka-hadapan Mahkamah dan bebaskan orang itu, kechuali jika Mahkamah itu puas hati mengatakan orang itu di-tahan mengikut undang<sup>2</sup>.

(3) Apabila sa-saorang itu di-tangkap dia hendak-lah di-beri tahu dengan sa-berapa segera-nya akan sebab<sup>2</sup>-nya di-tangkap dia itu dan hendak-lah di-benarkan dia bertanya fikiran dan di-bela oleh lawyer yang di-pileh-nya sendiri.

(4) Jika sa-saorang itu di-tangkap dan tidak di-bebaskan maka dengan tidak bertanggoh lagi, dan walau macham mana pun dalam tempoh dua puluh empat jam (dengan tidak termasuk masa dalam perjalanan) hendak-lah di-bawa ia ka-hadapan magistrate dan tidak boleh di-tahan dia lagi jika tidak dengan hukuman magistrate itu.

(5) Fasal (3) dan (4) tidak terpakai kapada orang dagang yang di-kira musoh.

**6.** (1) Siapa<sup>2</sup> juga sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh di-buat 'abdi. 'Abdi dan kerah kerja di-larang.  
(2) Semua jenis kerja kerah di-larang sa-kali<sup>2</sup>, tetapi Parliament boleh membuat undang<sup>2</sup> mensharatkan memaksa orang berkhidmat bagi maksud negara.

(3) Kerja orang yang di-hukum penjara oleh Mahkamah Ke'adilan tetap-lah tidak di-hitongkan kerja kerah mengikut pengertian dalam Perkara ini.

**7.** (1) Sa-saorang itu sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh di-hukumkan kerana sa-suatu perbuatan atau tidak menjalankan perbuatan ia-itu tidak boleh di-hukumkan mengikut undang<sup>2</sup> pada masa di-lakukan perbuatan itu, dan sa-saorang yang telah melakukan kesalahan sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh di-hukumkan dia lebih daripada hukuman yang di-tetapkan oleh undang<sup>2</sup> pada masa di-lakukan kesalahan itu. Perlindongan daripada kuat kuasa undang<sup>2</sup> janayah yang belum dibuat pada masa berlaku kesalahan dan perlindungan daripada dibicarakan berulang<sup>2</sup>.

(2) Sa-saorang yang telah di-buang bichara atau di-hukumkan kerana sa-suatu kesalahan tidak boleh di-bicharakan sa-kali lagi atas kesalahan itu juga di-kechualikan jika hukuman di-dapati salah atau hukuman buang bichara itu telah di-batalkan dan di-hukumkan bichara sa-mula oleh Mahkamah Tertinggi daripada mahkamah yang telah membuang bichara atau menjatohkan hukuman.

Sama rata.

**8.** (1) Semua orang di-pandang sama rata pada sisi undang<sup>2</sup> dan berhak mendapat perlindungan undang<sup>2</sup> yang sama rata.

(2) Hendak-lah jangan ada bedza-membedza di-antara sa-orang warga negara dengan sa-orang warga negara dengan sa-mata<sup>2</sup> beralaskan ugama, bangsa, keturunan atau tempat lahir dalam apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> atau dalam apa<sup>2</sup> jua jawatan kerajaan atau jawatan dalam sa-sabuah badan kuasa atau pada mentadbirkan apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> berkenaan dengan memperoleh harta, memileki, menjual atau sa-umpama-nya atau menuah atau menjalankan apa<sup>2</sup> jua perniagaan atau kerja kechuali jika di-luluskan terang<sup>2</sup> oleh Perlembagaan ini.

(3) Hendak-lah jangan ada bedza-membedza di-antara sa-orang dengan sa-orang atas alasan yang ia itu ra'ayat Raja mana<sup>2</sup> jua Negeri.

(4) Mana<sup>2</sup> jua badan kuasa tiada boleh membedza-kan di-antara sa-orang dengan sa-orang atas alasan mengatakan si-polan si-polan itu tinggal atau menjalankan perniagaan dalam mana<sup>2</sup> jua Negeri dalam Negeri Persekutuan yang di-luar daripada badan kuasa itu.

(5) Perkara ini tidak-lah membatalkan atau melarang—

(a) apa<sup>2</sup> jua sharat mengatorkan undang<sup>2</sup> diri sa-saorang.

(b) apa<sup>2</sup> jua sharat atau atoran menyekat jawatan atau kerja berhubung dengan hal ahwal apa<sup>2</sup> jua ugama atau pertubuhan yang di-uruskan oleh sa-kumpulan orang daripada apa<sup>2</sup> jua ugama, ia-itu di-hadkan kapada orang<sup>2</sup> yang berugama itu sahaja.

(c) apa<sup>2</sup> jua sharat memperlindungi, menjaga keselamatan atau memajukan orang<sup>2</sup> darat dalam Negeri Persekutuan (termasuk tanah reserve) atau mengkhaskan sa-bahagian berpatutan daripada jawatan<sup>2</sup> kerajaan yang patut di-beri kapada orang<sup>2</sup> darat.

(d) apa<sup>2</sup> jua sharat yang menetapkan berapa lama-nya tinggal dalam sa-sabuah Negeri atau sa-bahagian daripada sa-sabuah Negeri sa-bagi suatu sharat boleh masok pilehan raya atau supaya boleh memegang jawatan dalam apa<sup>2</sup> jua badan kuasa yang ada kuasa hanya dalam Negeri itu atau sa-bahagian daripadanya atau sharat boleh mengundi dalam pilehan raya itu.

(e) apa<sup>2</sup> jua sharat Perlembagaan sa-sabuah Negeri yang berjalan kuasa-nya sa-belum Hari Merdeka, atau pun sharat yang sama saperti itu.

(f) apa<sup>2</sup> jua sharat yang menghadkan orang<sup>2</sup> Melayu sahaja boleh di-terima masok 'Askar Melayu.

**9. (1)** Siapa<sup>2</sup> jua warga negara sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh di-buang negeri atau di-tahan tidak boleh masok Negeri Persekutuan.

Melarang  
buang negeri  
dan kebe-  
basan pergi  
ka-sana sini.

(2) Dengan terta'alok kapada apa<sup>2</sup> jua sekatan yang di-kenakan oleh apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang berkenaan dengan keselamatan Negeri Persekutuan, ketenteraman dan kesihatan orang ramai, atau berkenaan dengan hukuman yang di-kenakan kapada orang yang melakukan kesalahan, tiap<sup>2</sup> orang warga negara berhak boleh pergi ka-sana sini dengan bebas di-seluroh Negeri Persekutuan dan boleh tinggal dalam mana<sup>2</sup> jua Negeri dalam Negeri Persekutuan.

**10. (1)** Dengan terta'alok kapada Fasal (2)—

Kebebasan  
beruchap,  
berkumpul  
dan  
mengadakan  
persekituan.

(a) tiap<sup>2</sup> sa-orang warga negara berhak bebas boleh beruchap dan mengeluarkan fikiran;

(b) semua warga negara berhak boleh berkumpul dengan aman dan dengan tidak bersenjata;

(c) semua warga negara berhak boleh menuhoh-kan persekituan<sup>2</sup>.

(2) Parliament dengan mengeluarkan undang<sup>2</sup> boleh mengenakan—

(a) apa<sup>2</sup> jua sharat sekatan ka atas hak<sup>2</sup> yang tersebut dalam perenggan (a) Fasal (1), sa-bagaimana yang mustahak atau baik pada timbalan-nya ia itu kerana keselamatan Negeri Persekutuan, perhubungan per-sahabatan dengan negeri<sup>2</sup> lain, keten-teraman negeri atau akhlak orang ramai, dan

mengenakan sharat<sup>2</sup> tujuan-nya memperlindungi keutamaan<sup>2</sup> Parliament atau keutamaan<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> jua Dewan Negeri atau mengadakan sharat milarang orang daripada melanggar peraturan mahkamah, daripada mengumpat keji, atau mengasut suroh orang melakukan apa<sup>2</sup> jua kesalahan;

- (b) apa<sup>2</sup> jua sekatan ka-atas hak yang tersebut dalam perenggan (b) Fasal (1), sa-bagaimana yang mustahak atau baik pada pertimbangan Parliament ia-itu kerana keselamatan Negeri Persekutuan atau ketenteraman negeri;
- (c) apa<sup>2</sup> jua sekatan ka-atas hak yang tersebut dalam perenggan (c) Fasal (1), sa-bagaimana yang mustahak atau baik pada timbangan Parliament ia-itu kerana keselamatan Negeri Persekutuan atau ketenteraman negeri atau akhlak orang ramai.

**Kebebasan berugama.**

**11.** (1) Tiap<sup>2</sup> sa-orang berhak mengikut ugama-nya sendiri, dan boleh mengembangkan-nya tetapi dengan terti' alok kapada Fasal (4) di-bawah ini.

(2) Siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-paksa membayar apa<sup>2</sup> jua chukai yang hendak di-khaskan baik kesemua sa-kali atau sa-bahagian daripada-nya sahaja, kerana maksud<sup>2</sup> ugama yang lain daripada ugama-nya sendiri.

(3) Umat<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> sa-suatu ugama berhak—

- (a) menguruskan hal ahwal ugama-nya sendiri;
- (b) menubohkan dan menjaga pertubuhan dan rumah<sup>2</sup> kegunaan ugama atau khairat; dan
- (c) memperoleh dan memileki harta dan mentadbirkan-nya mengikut undang<sup>2</sup>.

(4) Undang<sup>2</sup> Negeri boleh mengawal atau menyekat orang daripada mengembangkan apa<sup>2</sup> jua ajaran ugama atau i'tikad di-antara orang<sup>2</sup> Islam.

(5) Perkara ini tidak membenarkan orang melakukan apa<sup>2</sup> jua perbuatan yang berlawan dengan apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> yang berkenaan dengan ketenteraman negeri, kesihatan dan akhlak orang ramai.

**Hak<sup>2</sup> berkenaan dengan pelajaran.**

**12.** (1) Dengan tidak merosakkan kuasa<sup>2</sup> 'am dalam Perkara 8, hendak-lah jangan di-bedza<sup>2</sup>kan sa-saorang warga negara itu dengan alasan<sup>2</sup> hanya dengan

sebab ugama-nya, bangsa-nya, keturunan atau tempat lahir-nya—

- (a) dalam hal mentadbirkan apa<sup>2</sup> jua sekolah yang di-tanggong belanja oleh sa-sabuah badan kuasa, dan, khas-nya, dalam perkara masok sekolah atau bayar sekolah; atau
  - (b) mengadakan bantuan wang daripada kumpulan wang sa-sabuah badan kuasa bagi belanja atau persekolahan murid<sup>2</sup> dalam apa<sup>2</sup> jua sekolah (sama ada di-tanggong oleh badan kuasa atau tidak di-tanggong oleh badan kuasa dan sama ada di-dalam atau di-luar Negeri Persekutuan).
- (2) Umat<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> ugama berhak menuahkan sekolah<sup>2</sup> ugama dan mengajar ugama-nya sendiri dan hendak-lah jangan ada bedza-membedza dengan alasan sa-mata<sup>2</sup> kerana si-polan si-polan itu berugama anu anu dalam apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> berkenaan dengan sekolah<sup>2</sup> itu atau berkenaan dengan mentadbirkan undang<sup>2</sup> itu; tetapi undang<sup>2</sup> persekutuan boleh mengadakan bantuan khas menuahkan atau menanggong belanja sekolah<sup>2</sup> atau bangunan<sup>2</sup> kerana ugama Islam atau mengajar ugama kapada orang<sup>2</sup> Islam.
- (3) Siapa<sup>2</sup> jua tidak di-kehendaki belajar atau mengambil bahagian dalam sa-barang apa jua isti'adat atau sembahyang mengikut ugama yang lain daripada ugama-nya sendiri.
- (4) Bagi maksud<sup>2</sup> Fasal (3) ugama sa-saorang yang ber'umor di-bawah daripada lapan belas tahun hendak-lah di-tetapkan oleh ibu bapa atau penjaga-nya.

**13.** (1) Siapa<sup>2</sup> jua tidak boleh di-ambil harta-nya melainkan mengikut undang<sup>2</sup>. Hak<sup>2</sup>  
memileki  
harta.

(2) Apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> sa-kali<sup>2</sup> tidak boleh mensharatkan fasal mengambil harta orang dengan paksa atau menggunakan-nya dengan tidak di-bayar ganti rugi yang berpatutan.

### BAHAGIAN III

#### WARGA NEGARA

##### *Bab I—Meminta Jadi Warga Negara*

**14.** (1) Dengan terta'alok kapada Fasal (2), orang<sup>2</sup> seperti yang tersebut di-bawah ini menjadi warga negara menurut kuat kuasa undang<sup>2</sup>, ia-itu:

(a) tiap<sup>2</sup> orang yang sa-belum Hari Merdeka, menjadi warga negara Negeri Persekutuan

Menjadi  
warga  
negara  
menurut  
kuat kuasa  
undang<sup>2</sup>.

## BAHAGIAN XII

PERKARA 'AM DAN LAIN<sup>2</sup>

Bahasa  
kebangsaan.

**152.** (1) Bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu dan hendak-lah dengan apa<sup>2</sup> jua jenis tulisan saperti yang di-undang<sup>2</sup>kan oleh Parliament:

Di-kechualikan bahawa—

- (a) tidak-lah sa-kali<sup>2</sup> sa-saorang di-tegah atau dilarang daripada menggunakan (sa-lain dari-pada untuk maksud<sup>2</sup> rasmi), atau daripada mengajar atau mempelajari apa<sup>2</sup> juga bahasa lain; dan
- (b) tiada apa<sup>2</sup> jua dalam fasal ini akan merosakkan hak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sa-sabuah Negeri tentang menjaga dan memelihara fasal mengguna dan mempelajari bahasa apa<sup>2</sup> jua kaum lain di-Negeri Persekutuan.

(2) Walau apa pun sharat<sup>2</sup> Fasal (1), maka boleh-lah di-gunakan bahasa Inggeris dalam dua<sup>2</sup> Parliament, dalam Dewan Negeri tiap<sup>2</sup> buah Negeri, dan bagi semua maksud rasmi yang lain sa-lama sa-puloh tahun lepas Hari Merdeka, dan kemudian daripada itu sa-hingga saperti apa jua yang di-sharatkan oleh Parliament.

(3) Walau apa pun sharat<sup>2</sup> Fasal (1), sa-lama sa-puloh tahun lepas Hari Merdeka, dan kemudian daripada itu sa-hingga saperti apa jua yang di-sharatkan oleh Parliament, maka suratan yang berkuasa—

- (a) semua Bakal Undang<sup>2</sup> yang hendak di-bawa atau pun pindaan<sup>2</sup>-nya yang hendak di-chadang dalam salah sa-buah Parliament, dan
- (b) semua Undang<sup>2</sup> Parliament dan semua undang<sup>2</sup> tambahan yang di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutuan,

hendak-lah dalam bahasa Inggeris.

(4) Walau apa pun sharat<sup>2</sup> Fasal (1), semua perbincaraan dalam Mahkamah Tertinggi itu hendak-lah dalam bahasa Inggeris, sa-lama sa-puloh tahun lepas Hari Merdeka, dan kemudian daripada itu sa-hingga saperti apa jua yang di-sharatkan oleh Parliament:

Di-kechualikan jika Mahkamah itu dan peguam kedua<sup>2</sup> pehak bersetuju, bahawa keterangan yang di-tuliskan dalam bahasa yang di-chakapkan oleh saksi<sup>2</sup> tidak-lah payah di-terjemah ka-dalam bahasa Inggeris atau pun di-tuliskan dalam bahasa itu.

(5) Walau apa pun sharat<sup>2</sup> Fasal (1), dan sa-hingga saperti apa jua yang di-sharatkan oleh Parliament,

semua perbincaraan dalam mahkamah rendah hendak-lah dalam bahasa Inggeris, sa-lain daripada menuliskan keterangan<sup>2</sup>.

**153.** (1) Maka Yang di-Pertuan Agong bertanggong-jawab atas perkara menjaga kedudukan istimewa orang<sup>2</sup> Melayu serta hak<sup>2</sup> yang halal bagi kaum<sup>2</sup> yang lain<sup>2</sup> menurut sharat<sup>2</sup> Perkara ini.

(2) Walau apa pun dalam Perlembagaan ini, tetapi dengan terti'alok kapada sharat<sup>2</sup> Perkara 40 serta Perkara ini, Yang di-Pertuan Agong hendak-lah menjalankan kewajipan<sup>2</sup>-nya menurut Perlembagaan ini dan undang<sup>2</sup> persekutuan sa-chara yang wajib kerana menjaga kedudukan istimewa orang<sup>2</sup> Melayu dan menentukan peruntukan bagi orang<sup>2</sup> Melayu dalam jawatan kerajaan (sa-lain daripada jawatan Kerajaan Negeri) scholarship, allowance atau lain<sup>2</sup> keutamaan tentang pelajaran atau latehan atau pun kemudahan khas yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan, dan peruntukan surat kebenaran atau lesen jika dikehendaki oleh undang<sup>2</sup> persekutuan apa<sup>2</sup> jua surat kebenaran atau lesen tersebut untuk menjalankan apa<sup>2</sup> perusahaan atau perniagaan, dengan terti'alok kapada sharat<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> itu dan Perkara ini.

(3) Yang di-Pertuan Agong, supaya hendak menentukan menurut Fasal (2) tentang peruntukan kapada orang Melayu dalam jawatan kerajaan dan perkara scholarship, allowance dan lain<sup>2</sup> keutamaan tentang pelajaran atau latehan atau pun kemudahan khas, boleh-lah memberi apa<sup>2</sup> jua perentah yang harus dikehendaki bagi maksud itu kapada apa<sup>2</sup> jua Surohan-jaya yang terpakai kapada Bahagian X atau kapada apa<sup>2</sup> jua badan kuasa yang telah terserah kapada-nya tanggong-jawab dalam perkara memberi akan scholarship, allowance atau lain<sup>2</sup> keutamaan tentang pelajaran atau pun kemudahan khas; dan Surohan-jaya itu atau badan kuasa itu hendak-lah menurut akan perentah itu.

(4) Yang di-Pertuan Agong pada menjalankan kewajipan baginda menurut Perlembagaan ini dan undang<sup>2</sup> persekutuan menurut Fasal (1) hingga (3) tidak-lah boleh meluchutkan daripada siapa<sup>2</sup> jua akan jawatan kerajaan yang di-pegang-nya, atau pun scholarship, allowance atau lain<sup>2</sup> keutamaan tentang pelajaran atau latehan atau pun kemudahan khas yang di-terima-nya.

(5) Perkara ini tidak-lah lemah kuasa-nya daripada sharat<sup>2</sup> Perkara 136.

Peruntukan  
bilangan  
jawatan,  
permit dan  
sa-bagai-nya  
bagi orang<sup>2</sup>  
Melayu.

(6) Jika menurut undang<sup>2</sup> persekutuan yang ada sekarang di-kehendaki surat kebenaran atau lesen kerana menjalankan apa<sup>2</sup> jua perusahaan atau perniagaan, maka Yang di-Pertuan Agong boleh-lah menjalankan kewajipan-nya menurut undang<sup>2</sup> itu mengikut chara-nya, atau pun memberi apa<sup>2</sup> perentah ‘am kepada apa<sup>2</sup> jua badan kuasa yang terserah kapadanya menurut undang<sup>2</sup> itu tentang memberi akan surat kebenaran atau lesen itu menurut yang di-kehendaki supaya menentukan peruntukan berapa<sup>2</sup>-nya surat kebenaran atau lesen kapada orang Melayu saperti yang di-fikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong; dan badan kuasa itu hendak-lah menurut akan perentah itu.

(7) Tiada-lah sa-kali<sup>2</sup> berjalan apa<sup>2</sup> jua langkah menurut Perkara ini tentang meluchutkan atau pun memberi kuasa supaya di-luchutkan daripada siapa<sup>2</sup> jua akan sa-barang hak, atau keutamaan, surat kebenaran atau lesen yang di-terima-nya atau pun memberi kuasa supaya jangan di-baharuī surat kebenaran tersebut atau lesen kapada siapa<sup>2</sup> jua atau pun di-tolak supaya jangan di-beri kapada warith; atau pengganti; atau orang yang di-beri kapada-nya apa<sup>2</sup> jua surat kebenaran, atau lesen apabila sampai masa-nya dan menurut kebiasaan-nya hendak di-baharuī akan dia.

(8) Walau apa pun dalam Perlembagaan ini, jika menurut apa<sup>2</sup> jua undang<sup>2</sup> persekutuan, apa<sup>2</sup> jua surat kebenaran atau lesen di-kehendaki kerana menjalankan apa<sup>2</sup> perusahaan atau perniagaan, maka undang<sup>2</sup> itu boleh-lah mensharatkan supaya di-untokkan suatu kadar perkiraan surat kebenaran atau lesen tersebut kapada orang Melayu; tetapi tiada-lah sa-kali<sup>2</sup> boleh undang<sup>2</sup> yang demikian untuk maksud hendak menjamin peruntukan yang demikian—

- (a) meluchutkan atau di-beri kuasa supaya di-luchutkan daripada siapa<sup>2</sup> jua sa-barang hak, keutamaan, surat kebenaran atau lesen yang di-terima-nya atau yang ada pada-nya; atau
- (b) di-beri kuasa supaya jangan di-baharuī apa<sup>2</sup> jua surat kebenaran atau lesen yang di-beri kapada siapa<sup>2</sup> jua; atau pun di-tolak supaya jangan di-beri kapada warith, atau pengganti atau orang yang di-beri kapada-nya sa-barang surat kebenaran atau lesen apabila sampai masa-nya dan menurut kebiasaan-nya hendak di-baharuī akan dia, atau pun

menahan barang siapa<sup>2</sup> jua daripada memindahkan bersama<sup>2</sup> dengan perniagaan-nya apa<sup>2</sup> jua lesen yang boleh di-pindahkan hendak menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulu-nya tiada di-kehendaki surat kebenaran atau lesen untuk menjalankan perusahaan atau perniagaan itu memberi kuasa menolak sa-suatu surat kebenaran atau lesen kapada siapa<sup>2</sup> jua kerana menjalankan apa<sup>2</sup> jua perusahaan atau perniagaan ia-itu sa-belum berjalan kuat kuasa undang<sup>2</sup> itu ia telah betul menjalankan-nya, atau pun memberi kuasa menolak daripada membaharui apa<sup>2</sup> jua surat kebenaran atau lesen yang di-beri kapada orang yang tersebut, atau pun di-tolak supaya jangan di-beri kapada warith-nya, pengganti-nya atau pun wakil siapa<sup>2</sup> jua surat kebenaran atau lesen yang tersebut apabila membaharui atau pun mengeluarkan-nya harus boleh di-jalankan mengikut biasa mengikut sharat<sup>2</sup> lain undang<sup>2</sup>.

(9) Tidak-lah sa-kali<sup>2</sup> Perkara ini memberi kuasa kepada Parliament menyekat perniagaan atau perusahaan sa-mata<sup>2</sup> bagi maksud peruntukan kepada orang<sup>2</sup> Melayu.

(10) Perlembagaan Negeri mana<sup>2</sup> Raja boleh-lah membuat sharat yang sama seperti (dengan mengadakan perubahan yang mustahak) sharat<sup>2</sup> Perkara ini.

**154.** (1) Bandar Kuala Lumpur hendak-lah menjadi Ibu Negeri Persekutuan sa-hingga Parliament menetapkan tempat yang lain.

(2) Walau apa pun dalam Bahagian VI, tetapi dengan tertia'lok kepada Fasal (3) Parliament hendak-lah mempunya'i kuasa penoh tentang membuat undang<sup>2</sup> berhubong dengan sempadan Ibu Negeri Persekutuan.

(3) Berhubong dengan bandar Kuala Lumpur, Fasal (2) tidak-lah terpakai sa-hingga tarikh saperti yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Sultan negeri Selangor ia-itu menurut peratoran yang di-buat di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berhubong dengan fasal menubohkan ibu negeri Selangor di-tempat lain; dan sa-hingga tarikh itu di-tetapkan maka "Senarai Persekutuan" akan berjalan kuasa-nya sa-olah<sup>2</sup> butir (e) section 6, dan dalam butir (h) daripada section 7 perkataan<sup>2</sup> "bayaran dalam Ibu Negeri Persekutuan" itu di-tinggalkan.